





# LIVING WITH WATER, HERITAGE & RISKS:

An Educator's Toolkit for Global Citizenship



## [Inside Cover]



APCEIU, sebuah Pusat UNESCO Kategori 2, adalah sebuah organisasi antarabangsa yang ditubuhkan melalui perjanjian di antara Kerajaan Republik Korea dan UNESCO untuk mempromosikan dan membangunkan Pendidikan untuk Persefahaman Antarabangsa (Education for International Understanding atau EIU) dan Pendidikan Kewarganegaraan Global (Global Citizenship Education atau GCED) bersama negara-negara anggota UNESCO.

APCEIU telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan GCED seperti yang dicerminkan dalam Pendidikan UNESCO (UNESCO Education) 2030 dan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals atau SDGs) UN.



SEAMEO SPAFA, Pusat Serantau untuk Arkeologi dan Seni Halus, adalah sebahagian daripada Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Southeast Asian Ministers of Education Organization atau SEAMEO), sebuah pertubuhan antarabangsa yang bertujuan untuk mempromosikan kerjasama di dalam pendidikan, sains dan budaya di Asia Tenggara.

Pusat ini bermatlamat untuk memupuk kesedaran budaya dan apresiasi warisan budaya melalui kerjasama dalam penyebaran maklumat dan aktiviti program yang berkaitan.

## [Pg 1]

### **Hidup dengan Air, Warisan & Risiko:**

Toolkit Pendidik untuk Kewarganegaraan Global

#### **Penerbit**

Asia Pacific Centre of Education for International Understanding (APCEIU) dan  
Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Archaeology and Fine Arts  
(SEAMEO SPAFA)

#### **Pasukan Produksi**

Karen Chin Ai Ying (Penulis)  
M.R. Rujaya Abhakorn (SEAMEO SPAFA, Penasihat)  
Lee Yang Sook (APCEIU, Penasihat)  
Kim Kwang-Hyan (APCEIU, Penasihat)  
Hatthaya Siriphatthanakun (SEAMEO SPAFA)  
Linh Anh Moreau (SEAMEO SPAFA)  
Ean Lee (SEAMEO SPAFA)  
Ratchaporn Tesjeeb (SEAMEO SPAFA)  
Alongkorn Jutagate (SEAMEO SPAFA)

#### **Diterjemah oleh**

Nicholas Gani

#### **Hak Cipta**

© 2019 APCEIU dan SEAMEO SPAFA

Kecuali dinyatakan sebaliknya, karya ini dilesenkan di bawah [Lesen Atribusi-PerkongsianSerupa 4.0 Antarabangsa Creative Commons CC BY-SA 4.0](#)



ISBN (e-book) XXXXXXXXXXXX

#### **Reka Bentuk Muka Depan**

Ratchaporn Tesjeeb (SEAMEO SPAFA)

#### **Hubungi Kami**

Asia-Pacific Centre of Education for International Understanding (APCEIU)  
120, Saemal-ro, Guro-gu, Seoul, Republic of Korea, 08289  
Tel: (+82-2) 774-3956 Fax: (+82-2) 774-3958  
Email: [info@unescoapceiu.org](mailto:info@unescoapceiu.org)

Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Archaeology and Fine Arts  
(SEAMEO SPAFA)

81/1 Sri Ayutthaya Rd  
Thewes, Dusit, Bangkok  
10300 Thailand  
Tel: (+66-2) 280-4022 Fax: (+66-2) 280-4030  
Email: [spafa@seameo-spafa.org](mailto:spafa@seameo-spafa.org)

#### **Penafian**

Segala usaha telah diambil untuk memastikan kesahihan kandungan maklumat semasa penerbitan. Penulis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan, pengabaian, ketidaktepatan atau kemalangan yang mungkin telah berlaku.

Hiperpautan ke laman web lain disediakan untuk kemudahan pengguna. APCEIU dan SEAMEO SPAFA tidak mengawal atau menjamin ketepatan, kaitan, ketepatan masa atau kesempurnaan maklumat yang disediakan oleh pihak ketiga.

Idea dan pendapat yang terkandung di dalam buku ini adalah cetusan penulis semata-mata dan tidak mewakili pandangan APCEIU dan SEAMEO SPAFA. Penulis bertanggungjawab ke atas pemilihan dan penyampaian fakta yang terkandung di dalam penerbitan ini. Peta-peta, gambar-gambar, dan simbol-simbol yang digunakan tidak mewakili pendapat pihak APCEIU atau SEAMEO SPAFA.

Direka dan dicetak oleh SEAMEO SPAFA.



# Hidup dengan Air, Warisan & Risiko:

## Toolkit Pendidik untuk Kewarganegaraan Global

PENYUMBANG KANDUNGAN / RAKAN KONGSI



## KATA PENGANTAR

Pusat Pendidikan untuk Persefahaman Antarabangsa Asia-Pasifik (APCEIU), Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (Sekretariat SEAMEO) dan Pusat Serantau untuk Arkeologi dan Seni Halus (SEAMEO SPAFA) berkongsi minat yang kukuh dalam pendidikan yang bermatlamat. APCEIU, SEAMEO dan SEAMEO SPAFA telah berlibatsama secara aktif bersama golongan pendidik dan belia dalam usaha menjadikan dunia yang lebih adil, damai dan mampan.

APCEIU dan SEAMEO SPAFA telah banyak bekerjasama dengan jayanya. Pada tahun 2013, APCEIU, Sekretariat SEAMEO dan SEAMEO SPAFA telah menerbitkan *Cultural Understanding through Paintings of Southeast Asia and Korea* bagi meningkatkan kesedaran silang budaya. Pada tahun 2015, kerjasama yang amat bermakna ini diteruskan dengan penerbitan *100 Everyday Objects from Southeast Asia and Korea* yang mendapat tajaan Dana Kerjasama ASEAN-ROK (ASEAN-ROK Cooperation Fund). Buku ini bertujuan untuk memupuk persefahaman dan penghormatan antarabangsa terhadap warisan budaya satu sama lain.

Pada tahun 2019, tumpuan telah diberikan kepada warisan budaya, terutama sekali yang telah menghadapi ancaman iklim dan manusia. APCEIU dan SEAMEO SPAFA sekali lagi bekerjasama dalam membangunkan bahan pendidikan yang berkualiti untuk Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED). Bertajuk *Hidup dengan Air, Warisan & Risiko: Toolkit Pendidik untuk Kewarganegaraan Global*, sumber pendidikan ini akan membantu warga kanak-kanak dan belia seluruh dunia untuk memperoleh kesedaran tentang hubungan di antara budaya dan alam semulajadi dalam pemuliharaan warisan.

Toolkit ini menyediakan alat bantuan visual dan idea yang direka untuk menerokai warisan air di Asia Tenggara melalui dimensi-dimensi kognitif, sosio-emosi dan tingkah laku GCED. Pelajar-pelajar digalakkan untuk **BERKONGSI**, **BERFIKIR**, dan **BERTINDAK** sebagai pemikir kritis dalam membuat keputusan yang penuh prihatin dan beretika.

Kami berharap agar toolkit ini akan dapat memupuk kewarganegaraan global dengan menjana perbincangan, pemikiran, dan tindakan yang menggalakkan kehidupan yang damai dan mampan seiring dengan alam semulajadi dan budaya yang pelbagai.

---

Lim Hyun Mook  
Pengarah APCEIU

---

Somlak Charoenpot  
Pengarah Pusat SEAMEO SPAFA

# ISI KANDUNGAN

|                          |   |      |
|--------------------------|---|------|
| Pendahuluan              |   | h. x |
| Senarai Rajah dan Gambar |   | h. x |
| Glosari                  |   | h. x |
| Singkatan                |   | h. x |
| <b>Bab 1</b>             | <b>Pengenalan: Hidup dengan Air</b>                       | h. x |
|                          | Air sebagai Warisan                                       | h. x |
|                          | Mengapa menerokai Warisan Air?                            | h. x |
|                          | Warisan Air yang dipaparkan dalam Toolkit ini             | h. x |
| <b>Bab 2</b>             | <b>Belajar tentang Warisan Air</b>                        | h. x |
|                          | Budaya dan Alam Semulajadi dalam Warisan Air              | h. x |
|                          | Melindungi Warisan Air                                    | h. x |
|                          | Warisan Air sebagai Kebimbangan Global                    | h. x |
| <b>Bab 3</b>             | <b>Membina Kewarganegaraan Global</b>                     | h. x |
|                          | Atribut Pembelajaran Utama Warga Global                   | h. x |
|                          | Prinsip Pedagogi Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED) | h. x |
|                          | Rangka Kerja Pendidikan Warisan untuk Warga Global        | h. x |
| <b>Bab 4</b>             | <b>Mengajar dan Merenung untuk Tindakan</b>               | h. x |
|                          | Tema Kewarganegaraan Global dalam Warisan Air             | h. x |
|                          | Pembelajaran Berasaskan Inkuiri Menggunakan Kad Foto      | h. x |
|                          | Sepuluh Idea Pelajaran Berasaskan Penyertaan              | h. x |
| <b>Rujukan</b>           |   | h. x |

# Pendahuluan

## Tujuan dan Skop

Toolkit ini menyediakan para pendidik di sekolah, muzium atau organisasi pemuliharaan dengan pelbagai alat penglibatan pelajar untuk meneroka bagaimana komuniti-komuniti tertentu hidup dengan Air, Warisan dan Risiko. Istilah Warisan Air yang digunakan di dalam sumber ini merujuk kepada interaksi manusia dengan air dalam aspek ketara dan tidak ketara. Lima domain Warisan Budaya Tidak Ketara (UNESCO 2003) sangat berguna dalam membantu pelajar memikirkan tentang nilai-nilai dan amalan yang membolehkan masyarakat berkembang maju dalam persekitaran air.

Toolkit ini mengandungi gambaran keseluruhan Air sebagai Warisan dan cara bagaimana Pendidikan Kewarganegaraan Global dapat membantu orang ramai untuk membentuk masyarakat yang lebih adil, aman dan bertoleransi. Pendidik akan mendapati alat pengajaran yang berasaskan prinsip-prinsip pedagogi yang terdapat dalam Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED), Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), Warisan Budaya Tidak Ketara (ICH), dan Pengurusan Risiko Bencana (DRM). Toolkit ini mengandungi sepuluh idea pelajaran dan lima kad foto yang berkaitan dengan tapak warisan air di Asia Tenggara. Namun demikian, pendidik juga digalakkan untuk merekabentuk pengalaman pembelajaran sendiri bersama pelajar-pelajar.

Toolkit ini direka untuk kegunaan pelajar-pelajar yang berumur di antara tujuh dan dua belas tahun. Pendidik boleh menggunakan toolkit ini di sekolah atau di dalam komuniti. Guru sekolah boleh mereka pengajaran yang melibatkan pendekatan pelbagai disiplin. Misalnya, penelitian sosial berkenaan kampung air boleh digabungkan dengan pelajaran seni di mana pelajar-pelajar merancang poster kempen kesedaran risiko untuk komuniti berkenaan. Pendidik komuniti juga boleh mereka pengalaman pembelajaran yang melibatkan pelajar muda menemubual golongan tua berkenaan Warisan Budaya Tidak Ketara.

## Tujuan toolkit ini

Toolkit ini bertujuan untuk memudahkan penerokaan Warisan Air dengan menggunakan tiga alat mudah.

- **Alat # 1 Berfikir**  
Aktiviti-aktiviti yang mengasah pemerhatian dan kemahiran berfikir secara kritis pelajar dalam mengkaji warisan mereka sendiri melalui warisan air di Asia Tenggara.
- **Alat # 2 Berkongsi**  
Perbincangan yang membantu pelajar merenungkan bagaimana Air, Warisan dan Risiko menghubungkan komuniti di dalam dan di luar negara.
- **Alat # 3 Bertindak**  
Projek kecil tetapi bermakna untuk menjanakan pemikiran yang lebih lestari dan tindakan yang mengurangkan risiko kepada warisan.

## Kandungan toolkit ini

Toolkit ini menawarkan kepada pendidik strategi kreatif untuk membincangkan Warisan Air dari pelbagai perspektif. Pendidik dapat mengajak pelajar mempelajari air sebagai sumber ekonomi, sebagai sebahagian daripada warisan budaya dan alam semulajadi, atau sebagai risiko. Bagi pelajar pula, mereka boleh digalakkan untuk memeriksa tanggungjawab mereka sebagai Warganegara Global dan membincangkan peranan mereka dalam Pembangunan Lestari dan Pengurusan Risiko Bencana.

Untuk memahami manfaat dan risiko yang ditanggung oleh komuniti yang tinggal berhampiran dengan air, toolkit ini memfokuskan kepada lima tapak warisan air di Asia Tenggara:



- Teluk Ha Long, Vietnam
- Tasik Inle, Myanmar
- Kampong Ayer, Brunei Darussalam
- Orang Moken, Kepulauan Mergui, Myanmar dan Ko Surin, Thailand
- Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja

**Bab 1** mempersembahkan Air sebagai Warisan. Pendidik akan diperkenalkan kepada Tapak Warisan Dunia di Asia Tenggara yang menunjukkan hubungan di antara manusia dengan air. Selepas itu, toolkit ini akan memberikan tumpuan kepada warisan-warisan air yang masih bertahan disebabkan oleh kesinambungan di antara komuniti, penjagaan dan ekspresi. Aspek-aspek sejarah, ekonomi, sosial dan alam sekitar berkenaan lima tapak warisan air di Asia Tenggara akan digariskan untuk menyediakan pendidik dengan pengetahuan asas bagi memudahkan perbincangan pelajar.

**Bab 2** membentangkan warisan alam semulajadi dan budaya yang terdapat di dalam persekitaran air. Lima domain Warisan Budaya Tidak Ketara yang diiktiraf oleh UNESCO digunakan untuk mengkaji warisan air secara sistematik. Di samping itu, bab ini juga akan menggariskan risiko semulajadi dan buatan manusia yang dihadapi oleh warisan air.

**Bab 3** menjelaskan tentang atribut-atribut pembelajaran utama Warga Global yang akan membantu para pelajar untuk menjadikan dunia yang lebih adil, damai dan lestari. Bab ini juga membentangkan konsep teras Pendidikan Kewarganegaraan Global UNESCO dan prinsip pedagoginya. **Rangka Kerja Pendidikan Warisan BERFIKIR-BERKONGSI-BERTINDAK untuk Warga Global** kemudian dicadangkan sebagai asas untuk meneliti Warisan Air.

**Bab 4** memperkenalkan pembelajaran berasaskan inkuiri melalui perbincangan menggunakan kad foto. Topik dan tema yang membolehkan pendidik membincangkan kewarganegaraan global dan risiko kepada warisan akan disenaraikan di dalam bab ini. Pendidik juga akan mendapati 10 idea pelajaran berdasarkan penyertaan yang berdasarkan Rangka Kerja BERFIKIR-BERKONGSI-BERTINDAK. Idea-idea pelajaran ini akan memberikan contoh bagaimana pelajar boleh dibawa untuk merenungkan **keimbangan tempatan dan global**. Idea-idea pelajaran ini boleh disesuaikan mengikut kes-kes atau kawasan-kawasan yang tertentu di mana pelajar boleh menjalankan kajian lapangan atau merekabentuk cara hidup yang mampan.

#### **Kad foto**

Kad foto yang memaparkan lima tapak warisan air di Asia Tenggara disediakan bersama dengan cadangan soalan dan aktiviti yang disusun mengikut alat BERFIKIR-BERKONGSI-BERTINDAK. Kad-kad foto ini direka untuk membolehkan pelajar membangunkan kemahiran berfikir secara kritis melalui pembelajaran berasaskan inkuiri. Pendidik juga boleh menggalakkan pelajar untuk berkongsi pelbagai pandangan dan berfikir tentang tindakan yang boleh diambil untuk membantu menjadikan dunia yang lebih adil, damai dan mampan.

# SENARAI RAJAH DAN GAMBAR

## Senarai rajah

- Rajah 1      Peta yang memaparkan lima tapak warisan air yang terkandung di dalam toolkit ini
- Rajah 2      Definisi Risiko, disesuaikan daripada *Living with Risks* (UNISDR, 2004)
- Rajah 3      Dimensi Konsep Teras GCED
- Rajah 4      Prinsip Pedagogi GCED
- Rajah 5      Rangka Kerja Pendidikan Warisan untuk Warga Global

## Senarai gambar

- Gambar 1      Pemandangan udara Angkor Wat, Siem Reap, Kemboja
- Gambar 2      Wat Mahathat, Ayutthaya, Thailand
- Gambar 3      Teluk Ha Long, Vietnam
- Gambar 4      Teres padi, Banaue, Ifugao, Philippines
- Gambar 5      Nelayan, Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja
- Gambar 6      Bengkel pembuatan batik, Jawa Barat, Indonesia
- Gambar 7      Ladang ikan terapung di Teluk Ha Long, Vietnam
- Gambar 8      Bot pelancong di Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja
- Gambar 9      Sebuah rumah yang didirikan atas tiang di Inle, sebuah tasik air tawar di Myanmar
- Gambar 10      Sebuah kampung terapung, Teluk Ha Long, Vietnam
- Gambar 11      Sebuah kampung di atas air, Tasik Inle, Myanmar
- Gambar 12      Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
- Gambar 13      Orang Moken dan rumah-bot mereka

|           |  |
|-----------|--|
| Gambar 14 | Kampong Phluk, Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja   |
| Gambar 15 | Kanak-kanak bermain di kawasan hutan banjir di Tonle Sap   |
| Gambar 16 | Seorang pemain gendang Moken   |
| Gambar 17 | Peserta-peserta lumba perahu di Tasik Inle   |
| Gambar 18 | Beberapa keluarga di Kampong Ayer, Brunei Darussalam masih memiliki pengetahuan membuat ikan kering sebagai makanan dan sumber kehidupan |
| Gambar 19 | Seorang wanita mendayung menggunakan kaki perahu yang diperbuat daripada buluh di Teluk Ha Long, Vietnam                                 |
| Gambar 20 | Upacara Tiang Moyang masyarakat Moken  |
| Gambar 21 | Sampah yang kelihatan semasa air surut di Kampong Ayer, Brunei Darussalam  |
| Gambar 22 | Pokok bakau di Kampong Ayer, Brunei Darussalam   |
| Gambar 23 | Seorang nelayan Moken menyelam untuk menangkap ikan menggunakan tempuling  |
| Gambar 24 | Hutan yang dipelihara oleh masyarakat di Kampong Phluk, Tonle Sap  |
| Gambar 25 | Orang Moken membina perahu menggunakan batang kayu tunggal   |
| Gambar 26 | Memancing menggunakan jala dan baldi kecil, Teluk Ha Long, Vietnam   |
| Gambar 27 | Peningkatan bilangan pelancong di Tasik Inle bermakna lebih banyak sisa untuk diurus   |
| Gambar 28 | Pemetaan warisan budaya dan semulajadi serta risiko di Kampong Ayer semasa bengkel SPAFA 2019  |
| Gambar 29 | Sesetengah orang Moken di Ko Surin, Thailand telah dipaksa untuk berpindah ke darat  |
| Gambar 30 | Pameran #BeatPlasticPollution di Seoul, Korea  |
| Gambar 31 | Sebuah taman permainan berwarna-warni yang diperbuat daripada bahan buangan plastik terpakai di pasar tani di Nakhon Pathom, Thailand    |
| Gambar 32 | Hutan banjir di Tonle Sap, Kemboja   |

Gambar 33 Penjual sayur di atas bot, Tonle Sap, Kemboja

# GLOSARI

Ekspresi tradisi agama, sosial, budaya, dan seni bina ketara dan tidak ketara yang penting, serta persekitaran semulajadi yang bernilai tinggi kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.

## **Warisan Air**

Sumber kebendaan, kerohanian, sosial, budaya dan alam sekitar yang dicipta dan dihargai oleh masyarakat yang hidup berhampiran dengan air.

## **Warisan Semulajadi**

Unsur-unsur kepelbagaian bio sesuatu tempat - flora, fauna, ekosistem, struktur dan formasi geologi - yang dianggap penting untuk ekologi, dan untuk sumbangannya kepada sains dan kepada identiti masyarakat tempatan dan antarabangsa.

## **Warisan Budaya**

Nilai sejarah, simbolik, kerohanian, estetika dan sosial yang diekspresikan secara ketara dan tidak ketara yang dihargai oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.

## **Warisan Hidup**

Warisan kebudayaan tidak ketara yang memerlukan hubungkait masyarakat, penjagaan dan ekspresi yang berterusan.

## **Risiko**

Kebarangkalian berlakunya bahaya atau jangkaan kerugian (kematian, kecederaan, termasuk kerosakan kepada harta benda, penghidupan, dan gangguan aktiviti ekonomi atau alam sekitar) yang disebabkan oleh interaksi di antara bahaya semulajadi atau buatan manusia dan kerentanan.

## **Bencana**

Gangguan serius terhadap kelangsungan komuniti atau masyarakat yang menyebabkan kerugian manusia, material, ekonomi atau persekitaran yang meluas dan yang tidak dapat diaatasi dengan sendirinya oleh komuniti atau masyarakat yang terjejas.

## **Bahaya**

Kejadian fizikal, fenomena atau aktiviti manusia yang berpotensi untuk menyebabkan kerosakan, kehilangan nyawa atau kecederaan, kerosakan harta benda, gangguan sosial dan ekonomi atau kemusnahan alam sekitar.

|  |   |
|--|---|
| <b>Globalisasi</b>                       | Proses-proses yang membawa kepada dunia yang semakin berhubung dan kompleks di mana sains dan teknologi telah mempercepatkan kadar industrialisasi dan urbanisasi. Rangkaian dan saluran komunikasi dan pengangkutan yang luas menghubungkan lebih ramai orang merentasi sempadan dan budaya. |
| <b>Pendidikan Kewarganegaraan Global</b> | Pendidikan yang memperkasakan pelajar untuk berfikir, berkongsi dan bertindak untuk mewujudkan sebuah dunia yang lebih adil, damai, inklusif dan mampan.  |
| <b>Pembangunan Lestari</b>               | Pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri.   |
| <b>Pembelajaran berasaskan inkuiri</b>   | Jenis pembelajaran yang memerlukan guru untuk membimbing, memudahkan dan menggalakkan pelajar dalam pemikiran kritis, penyelidikan dan penemuan diri tentang dunia sekeliling.  |

#### **Sumber Maklumat:**

UNESCO Office Bangkok and Regional Bureau for Education in Asia and the Pacific (2010) *Glossary on Basic Terminology on Disaster Risk Reduction*. Boleh didapati di <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000225784> (diakses: 18 Ogos 2019).

ICCROM (n.d.) *‘Living Heritage: A Summary’*. Boleh didapati di [https://www.iccrom.org/wp-content/uploads/PCA\\_Annexe-1.pdf](https://www.iccrom.org/wp-content/uploads/PCA_Annexe-1.pdf) (diakses: 24 Mei 2019).

Willems, J.H. and Schaik, P.J. (eds.) (2015) *Water and Heritage Material, Conceptual, and Spiritual Connections*. Leiden: Sidestone Press.

UNESCO (2018) *Preparing Teachers for Global Citizenship Education: A Template*. Boleh didapati di <https://bangkok.unesco.org/content/preparing-teachers-global-citizenship-education-template> (diakses: 3 Mei 2019).

# Singkatan

|                     |  |
|---------------------|--|
|                     | Asian Development Bank<br>Bank Pembangunan Asia  |
| <b>APCEIU</b>       | Asia-Pacific Centre of Education for International Understanding<br>Pusat Pendidikan untuk Persefahaman Antarabangsa Asia Pasifik  |
| <b>ASEAN</b>        | Association of Southeast Asian Nations<br>Persatuan Negara-negara Asia Tenggara  |
| <b>ASSI</b>         | ASEAN Safe Schools Initiative<br>Inisiatif Sekolah Selamat ASEAN   |
| <b>CC</b>           | Creative Commons (rujuk <a href="https://creativecommons.org/about/downloads">https://creativecommons.org/about/downloads</a> untuk semua singkatan lesen)   |
| <b>GCED</b>         | Global Citizenship Education<br>Pendidikan Kewarganegaraan Global  |
| <b>ICCROM</b>       | International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property<br><br>Pusat Antarabangsa bagi Kajian Pemuliharaan dan Pemulihan Harta Kebudayaan                                    |
| <b>IUCN</b>         | International Union for Conservation of Nature<br>Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam  |
| <b>OHCHR</b>        | Office of the High Commissioner for Human Rights<br>Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia   |
| <b>SEAMEO</b>       | Southeast Asian Ministers of Education Organization<br>Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara   |
| <b>SEAMEO SPAFA</b> | Southeast Asian Ministers of Education Organization<br>Regional Centre for Archaeology and Fine Arts<br><br>Pusat Serantau untuk Arkeologi dan Seni Halus<br>Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara |
| <b>SDG</b>          | Sustainable Development Goals<br>Matlamat Pembangunan Lestari  |
| <b>UDHR</b>         | Universal Declaration of Human Rights  |

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

|               |  |
|---------------|--|
| <b>UNDP</b>   | United Nations Development Programme<br>Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa<br>Bersatu  |
| <b>UNEP</b>   | United Nations Environment Programme<br>Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa<br>Bersatu   |
| <b>UNESCO</b> | United Nations Educational, Scientific and Cultural<br>Organization<br>Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Budaya<br>Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu     |
| <b>UNISDR</b> | United Nations International Strategy for Disaster<br>Reduction<br>Strategi Antarabangsa untuk Pengurangan Bencana<br>Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu |



## Bab 1 Pengenalan: Hidup dengan Air


### MAKLUMAN KEPADA PENDIDIK

Toolkit ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang Warisan Air di kalangan pelajar muda di Asia Tenggara. Bab ini memperkenalkan kepada para pendidik:

- Air sebagai Warisan dari zaman dahulu hingga sekarang
- Apa yang boleh dipelajari daripada Warisan Air
- Maklumat ringkas berkenaan lima warisan air yang dipaparkan di dalam toolkit ini

### Air sebagai Warisan

Air adalah kehidupan. Air menyokong warisan semula jadi. Air juga menunjukkan jejak budaya kita. Air memainkan peranan penting dalam kerajaan purba. Kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara memanfaatkan air untuk menyokong aktiviti pertanian, memudahkan perdagangan dan untuk mengelakkan bencana iklim. Pada masa ini, air terus memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian masyarakat di Asia Tenggara. Berikut adalah empat Tapak Warisan Dunia di Asia Tenggara yang berkait rapat dengan air:

|  |  |   |
|--|--|---|
|   | <b>Gambar 1</b><br><b>Pemandangan</b><br><b>udara Angkor Wat,</b><br><b>Siem Reap,</b><br><b>Kemboja</b> | © Sumbangan Yann ARTHUS-BERTRAND kepada APSARA National Authority |
| <p>Raja-raja di Angkor Wat di Kemboja merekabentuk takungan, parit dan terusan untuk mengawal, menyimpan dan mengedar air.</p> |  |   |



Pembina Ayutthaya di Thailand membina terusan untuk menghubungkan barangan dengan penduduk.

**Gambar 2**  
**Wat Mahathat,**  
**Ayutthaya,**  
**Thailand**

Templo Mahathat, Ayutthaya, Tailandia oleh Diego Delso Delso.photo



[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Templo\\_Mahathat,\\_Ayutthaya,\\_Tailandia,\\_2013-08-23,\\_DD\\_14.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Templo_Mahathat,_Ayutthaya,_Tailandia,_2013-08-23,_DD_14.jpg)



Teluk Ha Long mempunyai kampung terapung, landskap karst yang indah, pantai murni, terumbu karang dan kepelbagaian bio yang berharga.

**Gambar 3**  
**Teluk Ha Long,**  
**Vietnam**

Ha long Bay Port oleh Harald Hoyer





[https://500px.com/photo/103340169/Ha-Long-Bay-by-Harald-Hoyer?ctx\\_page=2&from=gallery&galleryPath=20650025&user\\_id=8627441](https://500px.com/photo/103340169/Ha-Long-Bay-by-Harald-Hoyer?ctx_page=2&from=gallery&galleryPath=20650025&user_id=8627441)

|   |   |  |
|---|---|--|
|  | <p><b>Gambar 4</b><br/><b>Teres padi,</b><br/><b>Banaue, Ifugao,</b><br/><b>Philippines</b></p> | <p>Banaue Rice Terraces oleh Edwin Juen Jr.</p>  <p><a href="https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Banaue_Rice_Terraces_3.jpg">https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Banaue_Rice_Terraces_3.jpg</a></p> |
|---|---|--|

Petani Ifugao di Filipina membentuk teras padi dengan upacara menanam dan menuai serta pengetahuan tradisional berkenaan air.

Masyarakat Asia Tenggara masih menunjukkan hubungan antara air, mata pencarian dan identiti budaya yang kuat.

|  |  |   |
|--|--|---|
|  | <p><b>Gambar 5</b><br/><b>Nelayan, Tonle Sap,</b><br/><b>Siem Reap,</b><br/><b>Kemboja</b></p> | <p>Here fishy oleh Dennis Jarvis</p>  <p><a href="https://www.flickr.com/photos/archer10/3643666619/">https://www.flickr.com/photos/archer10/3643666619/</a></p> |
|--|--|---|

Lebih daripada satu juta penduduk Kemboja masih bergantung kepada ikan di Tonle Sap untuk makanan harian mereka.



Kira-kira lima puluh tahun yang lalu, masyarakat Jawa Barat terpaksa menghentikan pembuatan kain batik Cipedes yang terkenal kerana pencemaran sungai menyebabkan mereka tidak dapat lagi menghasilkan pewarna merah yang unik. (A Royal Treasure: The Javanese Batik Collection of King Chulalongkorn of Siam, 2019)

**Gambar 6**  
**Bengkel pembuatan**  
**batik, Jawa Barat,**  
**Indonesia**

Batiking women in a batik factory near Tasikmalaya 1925-1933 oleh G.F.

Johannes  **PUBLICDOMAIN**

<https://collectie.wereldculture.nl/#/query/cc5cea09-f51e-4310-b3e0-c74c0076703f>

## Mengapa menerokai Warisan Air?



Gambar 7

### **Ladang ikan terapung di Teluk Ha Long, Vietnam**

Habitation baie d'halong 2 oleh Preparetavalise.com

[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Habitation\\_baie\\_d%27halong\\_2.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Habitation_baie_d%27halong_2.jpg)

Toolkit ini memberi tumpuan kepada Warisan Air kerana cara hidup di persekitaran air di Asia Tenggara semakin berkurangan. Satu-satunya Tapak Warisan Dunia di rantau ini yang mempunyai warisan air kontemporari adalah Teluk Ha Long, Vietnam dengan kampung-kampung terapungnya. Walau bagaimanapun, nilai universal yang luar biasa di Teluk Ha Long didasarkan kepada landskap semulajadi dan kekayaan kepelbagaian bio, dan bukan kepada keunikan perkampungan air di kawasan tersebut. Budaya yang dihasilkan oleh kampung-kampung yang dibina di atas air atau komuniti yang hidup di rumah perahu di Asia Tenggara masih belum lagi diiktiraf sebagai warisan penting oleh UNESCO dan kebanyakan kerajaan.



Gambar 8

### **Bot pelancong di Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja**

Watch the Mud oleh Dennis Jarvis

<https://www.flickr.com/photos/archer10/3631909015/>

Selain perubahan iklim, cara hidup di persekitaran air yang dihuni manusia juga mengalami transformasi yang pesat. Rakit-rakit, rumah-rumah yang didirikan di atas tiang atau rumah bot mungkin biasa dilihat. Tetapi, seperti yang diketahui, budaya yang dibangunkan di atas air seringkali dieskpresikan dengan cara yang tidak ketara. Pengetahuan tradisional, cerita, lagu dan tarian yang



dibangunkan oleh masyarakat yang hidup dengan air dapat dianggap sebagai warisan hidup. Hari ini, kita masih dapat melihat warisan hidup ini memainkan peranan lama dan baru dalam masyarakat. Terdapat komuniti yang telah tinggal berhampiran atau di persekitaran air selama berabad-abad. Terdapat juga pelancong antarabangsa yang baru saja mengalami pengalaman budaya baru di kampung-kampung air. Sesetengah aktiviti dagang dan pembuatan kraf tradisi yang dihargai oleh para pelancong telah hilang pada kadar yang membimbangkan.



Gambar 9

**Sebuah rumah yang didirikan atas tiang di Inle, sebuah tasik air tawar di Myanmar**

Floating Village oleh Thomas Schoch

<http://www.retas.de/thomas/travel/photo.php?album=burma2009&chapter=inle&pic=39&lang=en&w=1>

Sesetengah komuniti membina kampung terapung di tasik air tawar. Ada juga komuniti yang mendirikan rumah di atas tiang di sepanjang hutan kayu bakau di pesisiran pantai, atau yang memacak tiang kayu ke dasar laut untuk menyokong rumah mereka. Terdapat juga komuniti yang memilih kawasan air yang dilindungi oleh formasi batu kapur di tengah laut. Ada juga yang membina kampung mereka di atas batu karang di tengah laut. Sesetengah komuniti tinggal di atas bot. Walau apa cara sekalipun, masyarakat yang hidup di atas air mempunyai hubungan yang erat dengan persekitaran semulajadi mereka. Pelbagai flora dan fauna telah membentuk kehidupan dan diet komuniti yang hidup di atas air. Namun demikian, ekosistem ini semakin terancam disebabkan oleh perubahan iklim, gaya hidup yang tidak lestari dan aktiviti ekonomi yang tidak bertanggungjawab.

★ Warisan Air menawarkan peluang kepada pendidik dan pelajar untuk


- Menerokai Warisan Hidup Sendiri dan Orang Lain
- Mengetahui Kebimbangan Alam Sekitar
- Menyedari Risiko, Bahaya dan Bencana
- Membayangkan Rumah, Habitat dan Warisan yang Lestari
- Mengambil Tindakan Sebagai Warganegara Global

Walaupun pelajar tidak berpeluang untuk melawat tapak warisan atau komuniti air, pendidik masih boleh menggunakan idea pelajaran yang diberikan di dalam toolkit ini untuk mula memikirkan tentang warisan dan kewarganegaraan global.

## Warisan Air yang dipaparkan dalam Toolkit ini

Aktiviti manusia di Asia Tenggara sangat berkait rapat dengan laut, sungai dan tasik. Terdapat banyak warisan air di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, skop toolkit ini terbatas kepada lima Warisan Air yang telah dipilih untuk memperkenalkan Pendidikan Kewarganegaraan Global melalui pemahaman risiko yang berkaitan dengan pemuliharaan budaya dan alam.

- Teluk Ha Long, Vietnam
- Tasik Inle, Myanmar
- Kampong Ayer, Brunei Darussalam
- Orang Moken, Kepulauan Mergui, Myanmar dan Ko Surin, Thailand
- Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja



Rajah 1

Peta yang memaparkan lima tapak warisan air yang terkandung di dalam toolkit ini

## Teluk Ha Long, Vietnam



Gambar 10

### **Sebuah kampung terapung, Teluk Ha Long, Vietnam**

Fishing Village Ha Long Bay Vietnam oleh Christophe Meneboeuf

<https://www.xtof.photo/blog/index.php?showImej=128>

### **Apakah maksud Ha Long?**

Dalam bahasa Vietnam, 'Ha Long' bermaksud 'naga yang turun'. Menurut sebuah legenda, Maharaja Jed di Syurga telah menghantar Ibu Naga dan anak-anaknya untuk membantu rakyat Vietnam mempertahankan tanah air mereka. Dengan menggunakan api dan batu zamrud gergasi yang berubah menjadi 1,600 buah pulau yang kita lihat di Teluk Ha Long hari ini, naga-naga ini telah mengusir penceroboh yang datang ke tanah Vietnam. Naga-naga ini kemudiannya menjadi manusia yang menetap di Teluk Ha Long dan memelihara tanaman dan ternakan.

### **Di manakah letaknya Teluk Ha Long?**

Teluk Ha Long terletak di pantai timur laut Vietnam.

### **Berapakah bilangan penduduk di Teluk Ha Long?**

Dahulunya, Teluk Ha Long mempunyai lebih daripada 2,000 orang penduduk yang tinggal di 7 perkampungan yang terdiri daripada kira-kira 650 buah rakit. Sejak 2012, mereka telah dipindahkan secara beransur-ansur ke tanah besar oleh kerajaan Vietnam bagi menjaga kebersihan alam Teluk Ha Long (Vietnamplus.vn, 2013).

### **Apakah keistimewaan Teluk Ha Long?**

- Teluk Ha Long telah dilakarkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 1994. Pulau Cat Ba juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai Rizab Biosfera Dunia sejak tahun 2004. Langur berkepala emas adalah haiwan unik yang hanya boleh dijumpai di pulau ini. Penyu karah dan kuda laut di pulau ini juga merupakan spesies



- terancam yang jarang ditemui (UNESCO, 2004).
- Teluk Ha Long terdiri daripada 1,600 buah pulau batu kapur dan gua-gua yang menempatkan lebih daripada 2,000 jenis tumbuhan dan haiwan (IUCN, 2015).
  - Di teluk ini, kita dapat melihat kampung-kampung terapung yang boleh bergerak. Terdapat ladang ikan, pelantar kayu dan rumah-rumah yang diapungkan menggunakan bingkai kayu atau buluh dan tong plastik.

### **Bagaimanakah perasaan penduduk terhadap Ha Long?**

***"Warisan Teluk Ha Long bukan hanya landskapnya, tetapi juga penduduknya."***

Nguyen Kim Anh, penyelarass projek Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) di Vietnam

***"Jika sisa buangan terus kekal di sini, kami akan mati. Mustahil untuk tinggal di sini."***

Que, seorang penduduk Teluk Ha Long

Sumber: Brown, M. & Tran, L.T. (2012)

***"Saya rasa laut tercemar bukan saja disebabkan oleh kapal pelancong. Pihak berkuasa dan pengurus Teluk Ha Long juga perlu mengambil kira kapal pengangkutan. Setiap hari, banyak jenis bot yang bergerak di teluk, dan mereka juga perlu memenuhi piawaian alam sekitar."***

Dao Manh Luong, pengarah Syarikat Ha Long Bien Ngoc, mewakili syarikat pelancongan di Teluk Ha Long

Sumber: Minh, T. (2015)

## Tasik Inle, Myanmar



Gambar 11

### **Sebuah kampung di atas air, Tasik Inle, Myanmar**

Floating Village oleh Thomas Schoch

<http://www.retas.de/thomas/travel/photo.php?album=burma2009&chapter=inle&pic=35&lang=en&w=1>

### **Apakah maksud Inle?**

'Inle' bermaksud 'tasik yang besar' dalam bahasa Myanmar.

### **Di manakah letaknya Tasik Inle?**

Tasik Inle terletak di Taunggyi, ibukota Shan, 150 km ke arah timur laut dari Nay Pyi Taw, ibu negara Myanmar.

### **Berapakah bilangan penduduk di sekitar Tasik Inle?**

Kira-kira 200,000 orang penduduk tinggal di dalam 200 buah kampung di sekitar tasik.

### **Apakah keistimewaan Tasik Inle?**

- Tasik Inle terletak 1,328 meter di atas paras laut di kawasan dataran tinggi. Ia merupakan tasik kedua terbesar di Myanmar. Panjang tasik air tawar ini adalah 22 km dan lebarnya kira-kira 11 km.
- Tasik Inle telah diiktiraf sebagai Rizab Biosfera Dunia UNESCO (WNBR) pada tahun 2015. Ia juga merupakan Taman Warisan ASEAN sejak tahun 2004.
- Penduduk-penduduk Tasik Inle mengayuh perahu mereka menggunakan sebelah kaki sahaja. Ini menjadikan tangan mereka bebas untuk mengendalikan jaring untuk menangkap ikan. Selain itu, penduduk-penduduk tasik juga menanam buah-buahan dan sayur-sayuran di kebun-kebun terapung.

### **Bagaimanakah perasaan penduduk terhadap Tasik Inle?**

*"Percaya atau tidak, tidak lama dahulu anda boleh minum air dari tasik apabila dahaga. Anda boleh berenang. Ikan berlimpah dan musim panas tidak pernah*

***menyebabkan kemarau. Keadaan sekarang berbeza.”***

Daw Than Tin yang berusia 62 tahun

***“Telah berabad-abad kami tinggal di sini. Orang-orang Inntha sememangnya bergantung kepada tasik sebagai sumber makanan dan air. Nenek moyang kami arif menjaga sumber semulajadi tanpa menyebabkan kemudaratan. Kami harus mempelajari semula apa yang sudah dilupakan dan mengajar anak-anak kami juga. Kami harus belajar untuk hidup dengan lebih bijak bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar.”***

U Tin Aung Kyaw, 62 tahun, Naib Pengerusi Persatuan Sastera, Kebudayaan dan Pembangunan Wilayah Innthar.

Sumber: UNDP (2015)

***“Pada tahun 2012, bandar ini sunyi. Pada masa itu, hanya terdapat 17 hotel dan kemudahan penginapan di Nyaung Shwe; sekarang, terdapat sekitar 100.”***

Mike Haynes, perunding pengurusan warisan dan pelancongan di Nyaung Shwe

Sumber: Starr, S. (2018)

## Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam



Gambar 12

### **Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**

Sultan Ulmar Saifuddien Mosque Brunei oleh Bernard Spragg

<https://www.flickr.com/photos/88123769@N02/27957296900>

### **Apakah maksud Kampong Ayer?**

'Kampong ayer' mendapat nama ini kerana ia merupakan sebuah kampung yang didirikan di atas air. Antonio Pigafetta, penjelajah dari Itali, menggelarkan Kampong Ayer sebagai 'Venice of the East' pada tahun 1521. Ini adalah kerana Kampong Ayer mempunyai persamaan dengan Venice – sebuah bandar perdagangan dan seni di Itali yang dihubungkan oleh terusan-terusan.

### **Di manakah letaknya Kampong Ayer?**

Kampong Ayer terletak di Sungai Brunei di Bandar Seri Begawan, ibu negara Brunei Darussalam.

### **Berapakah bilangan penduduk di Kampong Ayer?**

Hari ini, Kampong Ayer mempunyai penduduk seramai 13,000 orang. Pada 1500an, Kampong Ayer bersaiz lebih besar dan menempatkan seramai 60,000 orang penduduk.

### **Apakah keistimewaan kampung air ini?**

- Kampong Ayer adalah petempatan yang didirikan di atas permukaan air yang terbesar di dunia. Ahli sejarah percaya bahawa ianya ditubuhkan di lokasi terkini sekitar 1660.
- 40 kampung air dihubungkan oleh laluan kayu sepanjang 38 kilometer. Setiap kampung mempunyai dermaga, masjid, sekolah dan balai polis sendiri. Setiap rumah juga menikmati kemudahan air dan elektrik.
- Kampong Ayer telah diiktirafkan sebagai warisan hidup oleh kerajaan Brunei di bawah Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam (Antiquities dan Treasure Trove Act atau ATTA) 2002.

### **Bagaimanakah perasaan penduduk tentang Kampong Ayer?**

***“Saya dilahirkan di sini. Saya dibesarkan di sini. Jadi, saya tidak akan meninggalkan pahit manis yang telah dilalui. Sekiranya Kampong Ayer dirobohkan, saya akan berasa amat kecewa. Kalau orang lain tidak mahu tinggal di sini lagi, tidak mengapa. Saya masih akan tinggal di sini.”***

Md Ali Ismail Bin Haji Bohari, pemilik restoran

***“Sekarang, disebabkan banyak rumah telah dirobohkan dan banyak perubahan yang telah berlaku, bilangan penduduk telah berkurangan. Sekarang, terlalu banyak perubahan telah berlaku dan kadang kala ianya menjejaskan pendapatan kami.”***

Hasri Bin Hassan, tukang perahu

Sumber: Board, J. (2018)

***“Saya suka bunyi air. Semuanya lebih mudah di kampung air. Anda tidak tergesa-gesa untuk pergi ke mana-mana. Anda berasa tenang dan senang. Di darat, kita akan sentiasa bergegas, mengejar sesuatu, tetapi di sini saya berasa sangat santai.”***

Dk Kemariah Pg Hj Duraman, pemilik Kunyit 7 Lodge, sebuah inap desa di Kampong Ayer

Sumber: Wong A.H. dan Tham, D. (2018)

## Orang Moken, Kepulauan Mergui, Myanmar dan Ko Surin, Thailand



Gambar 13

**Orang Moken dan rumah-bot mereka**

© Moken Alive Museum

### **Apakah maksud 'Moken'?**

Moken merujuk kepada 'orang yang hidup di laut'. Nama ini berasal daripada kisah Moken tentang asal-usul mereka yang dibuang ke laut kerana kesilapan pemimpin mereka. Kini, mereka hidup dalam berpuluh-puluh kumpulan kecil. Selain Moken, terdapat dua kumpulan lain yang hidup secara nomad di Asia Tenggara. Orang Laut ditemui di Kepulauan Riau dan di sepanjang pantai barat Semenanjung Thai-Melayu, manakala orang Sama-Bajau ditemui di Sabah (Malaysia), Indonesia Timur dan Selatan Filipina.

### **Di manakah mereka tinggal?**

Orang Moken secara tradisinya hidup sebagai nomad. Selama sembilan bulan, mereka akan tinggal di laut di dalam rumah perahu. Selama tiga bulan yang seterusnya, mereka akan tinggal dalam petempatan sementara di kawasan pulau untuk berlindung daripada ribut monsun. Mereka tinggal di sekitar 800 buah pulau di antara Kepulauan Mergui di Myanmar dan Ko Surin, Phuket dan Rawai di Thailand.

### **Berapakah bilangan orang Moken?**

Terdapat kira-kira 3,000 orang Moken di sekitar Kepulauan Mergui, dan kira-kira 800 di sekitar Ko Surin, Thailand. (HRW, 2015)

### **Apakah keistimewaan orang Moken?**

- Orang Moken boleh menyelam sejauh dua puluh meter ke dalam laut dengan hanya satu nafas, dan mempunyai keupayaan untuk melihat dengan jelas di bawah air.
- Secara tradisi, lelaki Moken menyelam dan menembak ikan, manakala golongan wanita dan kanak-kanak menangkap sotong dan mengumpul moluska. Kadang-kala, mereka mengumpul hasil hutan seperti buluh atau madu. Hari ini, ramai orang Moken yang bekerja dalam industri pelancongan di Ko Surin dan sebagai nelayan di Myanmar. Setelah berabad-abad, Orang Moken telah menyesuaikan diri dengan persekitaran dan situasi mereka. Mereka berdaya tahan dan berminat untuk memelihara warisan mereka.
- Orang Moken mempunyai tradisi lisan yang mengajar mereka tentang tsunami, pasang-surut air, fasa bulan, dan musim. Mereka memanggil tsunami 'laboon', dan menggambarkan sebagai jadian yang memakan segala-gala yang terdapat di

laluannya. Di Ko Surin, orang Moken adalah satu-satunya kumpulan yang terselamat daripada tsunami yang berlaku di Lautan Hindi pada tahun 2004 (Ivanoff, 2001).

**Bagaimanakah perasaan orang Moken terhadap diri mereka sendiri?**

***“Kami pergi ke mana-mana saja dengan menggunakan perahu kami, kami sentiasa bergerak, sentiasa hanyut. Untuk orang Moken, lautan adalah seluruh alam semesta kami. Tetapi hari ini, bot-bot besar datang mengambil semua ikan. Saya tertanya-tanya apakah yang akan mereka lakukan sekiranya lautan menjadi kosong. Kami tertanya-tanya... adakah mereka peduli? Adakah ini bermakna kami harus berhenti daripada menjadi orang Moken?”***

Hook, lelaki muda, Kampung Moken, Ko Surin, Thailand

Sumber: Thousand Images dan Nomad Films Inc (2012)

***“Setelah tsunami, pembangunan telah berlaku dengan sangat cepat. Saya fikir setelah tsunami, orang akan takut untuk membina di sini. Tetapi sebenarnya keinginan untuk membina di sini telah meningkat. Sumber-sumber alam yang penting kepada orang Moken semuanya telah hilang. Hak yang kami mahukan bukannya untuk membina hotel atau membeli beratus-ratus lot tanah tetapi hak yang kami mahukan adalah untuk menjalani cara hidup tradisional kami.”***

Hong Klatalay, Kurator Muzium Moken, Ko Surin, Thailand

Sumber: Al Jazeera (2014)

***“Hasil ikan semakin berkurangan sehingga sukar untuk seseorang itu menampung keluarga. Jadi kami memutuskan untuk menetap secara kekal dan saya telah menyertai bot nelayan.”***

Shar, ketua masyarakat di Kampung Ma Kyone Galet, Myanmar

Sumber: Caballero, N. (2018)

## Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja



Gambar 14

### **Kampong Phluk, Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja**

Kampong Phlout, Cambodia oleh Jakub Hatun

[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:20171129\\_Kampong\\_Phlouk\\_Cambodia\\_5860\\_DxO.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:20171129_Kampong_Phlouk_Cambodia_5860_DxO.jpg)

### **Apakah maksud Tonle Sap?**

'Tonle sap' bermaksud 'tasik air tawar besar' dalam bahasa Khmer.

### **Di manakah letaknya Tonle Sap?**

Tonle Sap terletak 15 km ke arah selatan dari Siem Reap, sebuah wilayah barat laut Kemboja. Tasik ini dihubungkan dengan Sungai Mekong oleh Sungai Tonle Sap yang panjangnya 120 km.

### **Berapakah bilangan penduduk di sekitar Tonle Sap?**

Tonle Sap mempunyai penduduk seramai 1.7 juta orang.

### **Apa keistimewaan Tonle Sap?**

- Tonle Sap adalah tasik air tawar terbesar di Asia Tenggara. Pada musim kemarau, saiz tasik adalah sebesar 2,500 km<sup>2</sup>, tetapi pada musim hujan ia menjadi lima hingga enam kali ganda lebih besar, kira-kira 16,000 km<sup>2</sup>.
- Tahap air di Tonle Sap boleh meningkat dari dua hingga sepuluh meter semasa musim hujan, sehingga menutupi aras atas pokok. Fenomena unik ini membawa kepada kekayaan kepelbagaian bio. Pada tahun 1997, Tonle Sap telah berjaya dicalonkan sebagai Rizab Biosfera UNESCO.
- Komuniti berasaskan air-darat membina rumah mereka di atas tiang setinggi tiga hingga enam meter di atas tanah; selama enam bulan mereka hidup di darat, dan selama enam bulan lagi di atas air. Komuniti berasaskan air membina rumah terapung, manakala komuniti berasaskan darat tinggal di rumah yang dibina di sepanjang tebing Tonle Sap.

### **Bagaimanakah perasaan penduduk terhadap Tonle Sap?**



***“Semasa zaman muda, saya melihat ikan berlimpah di Tasik Tonle Sap. Apabila saya mendayung di atas bot, ikan akan melompat masuk dan jika saya mengambil perjalanan yang panjang, saya boleh mendapat banyak ikan untuk dimakan. Sekarang, kami menggunakan jaring bersaiz kecil untuk menangkap ikan; hasil ikan masih kurang.”***

Om Chhim, nelayan di Kampong Phluk, 75 tahun

Sumber: Mak Sithirith (2016)

***“Kami harus memantau orang yang menebang pokok untuk membuka tanah, untuk menanam padi di musim kemarau, dan juga masalah lain seperti memotong kayu api. Ramai orang kurang peduli bagaimana mereka memotong pokok. Pada musim kering, kadang-kadang mereka memotong kesemua pokok, dan ini memusnahkan hutan kami.”***

Ning Ni, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Perikanan Komuniti, Kampong Phluk. Beliau mendidik penduduk kampung tentang amalan penebangan kayu yang lestari

***“Kami mencari pokok besar yang mempunyai dahan sebesar pergelangan tangan, yang kami akan potong empat hingga lima. Kami tidak memotong yang besar, hanya yang kecil. Hutan banjir adalah tempat di mana ikan bertelur. Apabila berlakunya ribut, hutan akan melindungi rumah kami.”***

Heouring Hak, penduduk yang mengulas tentang dasar yang diamalkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Perikanan Komuniti Kampong Phluk untuk melindungi hutan banjir.

Sumber: Bank Pembangunan Asia (2015)

## Bab 2 Belajar tentang Warisan Air

### MAKLUMAN KEPADA PENDIDIK

Bab ini menumpukan kepada Warisan Air dan risiko-risiko berkaitan yang dihadapi oleh masyarakat di Asia Tenggara. Pendidik akan memperoleh maklumat yang membolehkan mereka berbincang dengan pelajar mereka berkenaan:

- unsur alam dan budaya dalam Warisan Air
- risiko alam sekitar dan buatan manusia yang dihadapi oleh Warisan Air
- Warisan Air sebagai keseimbangan global

### Budaya dan Alam Semulajadi dalam Warisan Air



Gambar 15

#### Kanak-kanak bermain di kawasan hutan banjir di Tonle Sap

Boys in Kampong\_Phlouk oleh Jakub Halun

[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:20171129\\_Boys\\_in\\_Kampong\\_Phlouk\\_5838\\_DxO.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:20171129_Boys_in_Kampong_Phlouk_5838_DxO.jpg)

Air adalah keperluan fizikal dan budaya untuk komuniti-komuniti yang hidup di persekitaran air. Komuniti-komuniti ini telah membangunkan gaya hidup dan amalan warisan budaya tidak ketara yang amat berkait dengan alam semula jadi. Selama berabad-abad, alam semulajadi telah membentuk ekspresi budaya di kalangan komuniti-komuniti ini. Budaya juga telah mengubah persekitaran air untuk menyokong kewujudan bersama manusia dengan alam semula jadi. Hubungan di antara alam semulajadi dengan manusia ini amat penting dalam memahami “Warisan Hidup” atau Warisan Budaya Tidak Ketara yang berkaitan dengan Warisan Air.

Pendidik boleh memilih untuk mempelajari Warisan Air melalui lima domain Warisan Budaya Tidak Ketara yang disenaraikan dalam Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara (UNESCO, 2003).

Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara (UNESCO 2003) mentakrifkan “warisan budaya tidak ketara” sebagai amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan, kemahiran - serta instrumen, objek, artifak dan ruang budaya yang berkaitan – yang diiktiraf oleh masyarakat, kumpulan atau individu sebagai sebahagian daripada warisan budaya mereka.

Konvensyen ini juga mengiktiraf bahawa Warisan Budaya Tidak Ketara

1. diturunkan dari generasi ke generasi
2. sentiasa direka semula oleh komuniti sebagai tindak balas kepada persekitaran, interaksi dengan alam semulajadi dan sejarah mereka
3. memberikan identiti dan kesinambungan kepada komuniti, lantas mempromosikan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia
4. perlu bersesuaian dengan instrumen hak asasi antarabangsa yang sedia ada, dengan keperluan untuk saling hormat-menghormati di kalangan masyarakat, kumpulan dan individu, dan dengan pembangunan yang mampan.

| <p><b>Lima domain<br/>Warisan Budaya Tidak Ketara*</b></p>  | <p><b>Unsur yang lazim<br/>dinyatakan dalam<br/>Warisan Air</b></p>  |
|---|--|
| <p><b>1. Tradisi dan Ekspresi Lisan, termasuk bahasa sebagai penggerak Warisan Budaya Tidak Ketara</b></p> <p>Pemberian ritual semasa Perayaan Air Bon Om Touk di mana rakyat Kemboja akan memanggil bulan dan meraikan perubahan arah laluan Sungai Tonle Sap.</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Bahasa; kata-kata dan falsafah yang berkaitan dengan air</li> <li>● Cerita dan pencerita</li> <li>● Puisi dan pemuji</li> </ul> |
| <p><b>2. Seni persembahan</b></p> <p>Gambar 16<br/><b>Seorang pemain gendang Moken</b><br/>© Moken Alive Museum</p>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Lagu</li> <li>● Tarian</li> <li>● Muzik</li> </ul>  |

### 3. Amalan Sosial, Ritual dan Acara Perayaan



Gambar 17

#### **Peserta-peserta lomba perahu di Tasik Inle**

Inle Lake Leg Rowers oleh Mark Fischer

[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Inle\\_Lake\\_Leg\\_Rowers.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Inle_Lake_Leg_Rowers.jpg)

- Ritual bermusim, ritual agama atau ritual pasca bencana, dan orang kerohanian
- Ritual berasaskan air, contohnya aturan perkahwinan, dan acara komuniti seperti lomba perahu
- Ruang budaya yang terdapat dalam alam semulajadi

### 4. Pengetahuan dan Amalan tentang Alam Semulajadi dan Alam Semesta

Gambar 18

**Sesetengah keluarga di Kampong Ayer, Brunei Darussalam, masih memiliki pengetahuan membuat ikan kering sebagai makanan dan sumber kehidupan**

© Karen Chin

- Pengetahuan tradisional tentang tsunami, ekosistem, flora dan fauna
- Sistem penyembuhan tradisional, dukun dan pengetahuan mereka
- Pandangan dan kepercayaan tentang air

## 5. Seni Kraf Tradisional



Gambar 19 Seorang wanita mendayung menggunakan kaki perahu yang diperbuat daripada buluh di Teluk Ha Long, Vietnam

Just rowing oleh Benjamin Arnold

[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Just\\_Rowing\\_\(187850273\).jpeg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Just_Rowing_(187850273).jpeg)

- Inovasi pertanian, ekonomi, teknikal atau rekreasi
- Pembinaan bot
- Senibina, benda atau artifak vernakular yang disesuaikan dengan air dan musim serta yang diilhamkan oleh keperluan sosial atau rohani



Gambar 20

### Upacara Tiang Moyang Moken

© Moken Alive Museum

Kadang-kadang beberapa domain boleh didapati dalam satu acara. Contohnya, upacara nenek moyang Moken memerlukan pembuatan tiang nenek moyang, pengetahuan dukun serta alat muzik, memori lirik lagu, irama muzik dan langkah-langkah tarian ritual.

- ★ Warisan air berkait rapat dengan pengetahuan tradisi perahu dan air, penghidupan yang berkaitan dengan air dan pengekaln persekitaran semula jadi. Habitat semulajadi menyediakan sumber kehidupan, rumah dan identiti kepada masyarakat yang bergantung kepada air.
- ★ Langkah pertama ke arah mewujudkan kesedaran tentang perkara yang perlu dijaga untuk menjadikan dunia yang lebih adil, aman dan mampan adalah dengan mengalakkan pelajar-pelajar supaya sentiasa ingin tahu tentang unsur-unsur warisan alam semulajadi dan budaya yang berharga kepada masyarakat

## Melindungi Warisan Air

Untuk memulihara Warisan Air, kita perlu memahami ancaman yang dihadapi oleh masyarakat yang hidup di persekitaran air. Memandangkan 90% daripada semua bencana adalah berkaitan air (UNISDR 2015), Warisan Air menghadapi ancaman iklim yang besar. Tempat-tempat yang mengekspresikan warisan budaya mungkin terjejas oleh bencana semulajadi disebabkan oleh lokasi mereka yang berhampiran air. Taufan, banjir, kemarau dan paras laut yang meningkat adalah beberapa risiko biasa yang dihadapi oleh masyarakat Asia Tenggara (ASEAN ASSI, 2016).

Skop toolkit ini tidak termasuk persediaan, mitigasi dan pemulihan bencana. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menyedari kemungkinan kemusnahan yang disebabkan oleh bencana alam semulajadi dan buatan manusia. Di Asia Tenggara, masyarakat yang hidup dengan Warisan Air juga sering merupakan golongan miskin. Kemiskinan membawa kepada banyak cabaran semasa mengharungi bencana. Masyarakat yang miskin juga kadang-kala terpaksa mengambil langkah-langkah yang kurang mesra terhadap ekologi, atau menanggung akibat daripada keputusan yang diambil oleh pertubuhan komersial dan kerajaan yang telah mengakibatkan kesan buruk kepada alam sekitar.



Gambar 21

**Sampah yang kelihatan semasa air surut di Kampong Ayer, Brunei Darussalam**

The Water Village. Rubbish. oleh Bernard Spragg

<https://flickr.com/photos/88123769@N02/8619138720>

Sesetengah bencana alam berpunca daripada perbuatan manusia. Penyelenggaraan tapak Warisan Air yang lemah kadang-kadang membawa kepada kebakaran; sistem elektrik yang tidak diatur dengan baik atau dapur memasak terbuka boleh mengakibatkan kebakaran. Sampah-sarap juga telah menjadi risiko biasa yang dihadapi oleh masyarakat yang hidup di persekitaran air. Kualiti air dan kualiti hidup di kebanyakan tapak Warisan Air kerap terjejas oleh sisa plastik, baja sintetik dan sisa toksik dari kilang.





Gambar 22

**Pokok bakau di Kampong Ayer, Brunei Darussalam**

© Alongkorn Jutagate

Perubahan iklim sering berpunca daripada amalan pembangunan yang tidak lestari. Sebagai contoh, penyelidikan baru telah membuktikan bahawa pembukaan hutan bakau telah membawa kepada kejadian ribut tropika yang lebih teruk (Moolna, A. 2019). Degradasi kawasan pesisiran pantai juga sudah menjadi perkara biasa dalam komuniti-komuniti yang dilanda kemiskinan, dan di kawasan di mana pemaju tanah melakukan pembangunan yang tidak terkawal disebabkan oleh tuntutan kemajuan dan pelancongan di peringkat tempatan dan global.

---

**Risiko = Bahaya Semulajadi atau Buatan Manusia x Kerentanan**

Rajah 2

**Definisi Risiko, disesuaikan daripada *Living with Risks* (UNISDR, 2004)**

---

Untuk melindungi warisan, masyarakat perlu sedar akan risiko-risiko. Kita perlu memahami kemungkinan yang boleh berlaku kepada kehidupan, aset budaya, dan harta benda sekiranya berlakunya bencana.

Orang ramai akan lebih cenderung untuk menyedari risiko apabila:

1. terdapat akses kepada maklumat berkenaan bahaya
2. mereka dapat melihat nilai warisan semulajadi dan budaya mereka
3. mereka dapat menilai kekuatan dan kelemahan kemudahan infrastruktur, pemikiran, tabiat dan kemahiran di kalangan komuniti mereka.

Komuniti yang rentan kurang mempunyai pengetahuan dan sumber untuk menangani kesan serta-merta dan jangka panjang yang timbul disebabkan peristiwa bencana. Berikut adalah beberapa bahaya semulajadi dan buatan manusia yang boleh membawa risiko kepada komuniti anda:

|                                   |
|-----------------------------------|
| <b>Beberapa Bahaya Semulajadi</b> |
|-----------------------------------|

|  |  |  |
|--|--|--|
| RIBUT merosakkan segala yang berada dalam laluan nya.                    | GELOMBANG HABA memusnahkan tanaman dan ternakan.   | TSUNAMI yang disebabkan oleh gempa bumi bawah tanah, tanah runtuh atau letusan gunung berapi yang kuat memusnahkan segala yang terdapat dalam laluan mereka. |
| BANJIR merosakkan harta benda dan mengganggu sistem saliran semula jadi. | KEMARAU menyusutkan paras air di tasik dan sungai. |  |

| Beberapa Bahaya yang berpunca daripada Manusia  |  |   |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• SERANGAN HAMA</li> <li>• PENYAKIT BAWAAN AIR</li> <li>• KEROSAKAN BATU KARANG</li> <li>• KERACUNAN KIMIA yang disebabkan oleh pencemaran, penangkapan ikan yang tidak lestari, amalan pertanian dan perkilangan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PERUBAHAN IKLIM</li> <li>• KENAIKAN PARAS LAUT yang menjejaskan komuniti pantai dan hidupan liar</li> <li>• PERUBAHAN CORAK HUJAN</li> <li>• PENINGKATAN KEKERAPAN DAN INTENSITI CUACA YANG MELAMPAU</li> <li>• PENEBAHAN HUTAN</li> </ul> <p>Pengurangan flora dan fauna di hutan banjir atau bakau akan mengakibatkan peningkatan suhu, dan pengurangan hujan, ikan, dan hasil hutan.</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• KEHILANGAN PENGETAHUAN TRADISI DAN KEBANGGAAN terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara</li> <li>• PENCEMARAN yang disebabkan oleh peningkatan populasi, bilangan pelancong dan kilang-kilang yang membuang sisa buangan dan bahan-bahan yang tidak terbiodegradasi ke dalam saluran air</li> <li>• EMIGRASI SUKARELA dari kampung-kampung air</li> <li>• PERPINDAHAN TANPA NIAT komuniti laut atau kampung pesisir ke darat</li> </ul> |

Untuk membincangkan warisan dan risiko, para pendidik dan pelajar harus terlebih dahulu mengenali kemungkinan yang boleh berlaku semasa bencana. Walaupun Pengurusan Risiko Bencana (DRM) telah meningkat dengan ketara semenjak beberapa dekad yang lalu, perbincangan tentang langkah-langkah sistematik untuk mengintegrasikan perlindungan warisan sewaktu berlakunya bencana adalah sesuatu yang masih lagi baharu. Malah,



pengalaman telah menunjukkan berlakunya kerosakan atau kemusnahan warisan budaya yang disebabkan kerja-kerja pemuliharaan, pemulihan, dan pembinaan semula yang tidak sempurna selepas terjadinya bencana (World Bank, 2017).

|                   |  |  |                           |  |
|-------------------|--|--|---------------------------|--|
| Kehilangan nyawa. | Gangguan kehidupan, makanan dan bekalan air. | Pembelajaran di sekolah biasanya dihentikan kerana bilik darjah menjadi tidak selamat. | Alam semulajadi terjejas. | Penghapusan warisan budaya yang ketara dan tidak ketara. |
|-------------------|--|--|---------------------------|--|

### Apakah yang akan terjadi apabila berlakunya bencana?

- ★ Sama ada komuniti anda telah terjejas oleh bencana, langkah pertama untuk melindungi kehidupan, identiti dan impian kita adalah untuk menyedari hubungan di antara kesedaran warisan alam semulajadi dan budaya dengan pengetahuan tentang risiko dan bahaya.

## Warisan Air sebagai Kebimbangan Global

Berikut adalah tiga kebimbangan utama dan tiga kisah kejayaan yang dapat memberi inspirasi kepada kita untuk **BERFIKIR**, **BERKONGSI** dan **BERTINDAK** sebagai warganegara global!



Gambar 23

**Seorang nelayan Moken menyelam untuk menangkap ikan menggunakan tempuling**

© Moken Alive Museum

### 1. Sembilan juta tan plastik memasuki lautan kita setiap tahun.

Para saintis telah menjumpai kehadiran mikroplastik di kawasan pedalaman Artik yang dibawa oleh angin. Mikroplastik adalah kepingan plastik kecil yang kurang daripada 5 milimeter panjang (National Geographic, n.d.). Hidupan liar di sungai dan laut kerap memakan mikroplastik. Seseengahnya telah memasuki bahan makanan yang dieksport ke seluruh dunia. Ini merupakan satu kebimbangan global yang amat besar.

Kita boleh belajar cara hidup yang lebih lestari daripada orang Moken yang tidak mengumpulkan banyak harta benda. Mereka hanya mengambil secukup-cukupnya untuk keperluan mereka. Oleh sebab itu, mereka sentiasa mengitar semula bahan-bahan yang didapati di laut atau di pantai. Mereka sering mengguna semula bahan terbuang untuk membina tempat penyembahan atau mengitar semula bahan seperti lembaran plastik untuk dijadikan layar bot untuk kegunaan seharian. Sistem kepercayaan dan pengetahuan orang Moken juga telah melindungi bakau dan hutan yang menghentikan hakisan dan mengurangkan kesan ribut.

## **2. Aktiviti manusia adalah punca utama perubahan iklim!**

Pembakaran bahan api fosil dan penebangan hutan telah meningkatkan pelepasan gas karbon dioksida global yang memerangkap haba. Penebangan hutan juga memberi kesan kepada suhu darat dan air. Pengurangan hutan atau bakau telah meningkatkan kesan ribut dan kemarau. Di Tonle Sap, pengurangan hutan telah menyebabkan pengurangan kawasan pembiakan ikan. Masyarakat di Kampong Phluk di Tonle Sap telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah penebangan hutan dengan mewujudkan sistem putaran di mana hanya dahan-dahan pokok, dan bukannya keseluruhan pokok, dipotong untuk dijadikan kayu api dari zon-zon yang berbeza sepanjang tahun (ADB, 2015). Komuniti tersebut juga telah menubuhkan kawasan konservasi yang telah membawa kepada peningkatan bilangan ikan di tasik. Amalan-amalan yang mampan ini telah dapat memulihkan tasik yang sebelumnya menghadapi masalah penurunan hasil ikan (IUCN, 2017).



Gambar 24

**Hutan yang dipelihara oleh masyarakat di Kampong Phluk, Tonle Sap**

© Karen Chin

Penggunaan bahan kimia dalam pertanian dan industri juga telah mencemarkan banyak tasik, sungai dan laut. UNDP Myanmar telah menyokong pertanian organik dan pembinaan tangki bio-septik untuk mengurangkan pencemaran toksik di tasik. Untuk mengurangkan kebergantungan pada kayu, dapur elektrik atau dapur yang menjimatkan bahan bakar telah diperkenalkan (UNDP, 2015).

Tonle Sap dan Tasik Inle adalah Rizab Biosfera UNESCO di mana kaedah penyelesaian untuk pembangunan yang lestari sedang diuji oleh pakar-pakar tempatan, serantau dan global (UNESCO, n.d.).

## **3. Menghormati Kepelbagaian Budaya sebagai Hak Asasi Manusia**



Gambar 25

**Orang Moken membina perahu menggunakan batang kayu tunggal**

©Moken Alive Museum

Untuk meneruskan penghidupan nomad di laut, orang Moken mengamalkan cara hidup yang berbeza daripada majoriti penduduk di kampung dan bandar. Secara tradisinya, orang Moken menolak pendidikan formal. Mereka lebih suka anak-anak mereka mempelajari pengetahuan hidup di laut daripada orang-orang tua mereka. Cara hidup ini telah membolehkan orang Moken menyimpan sejarah lisan dan pengetahuan tentang laut. Malangnya, orang ramai menganggap orang Moken sebagai rakyat yang perlu ditempatkan semula di kampung-kampung tetap yang memberikan akses kepada pendidikan. Apabila dipaksa untuk hidup di darat, hak orang Moken untuk mengekspresikan identiti budaya dan cara hidup tradisional mereka sering terjejas. Penempatan kekal orang Moken juga sering terletak di taman negara maritim di mana undang-undang yang ketat telah mengakibatkan orang Moken tidak dapat menebang pokok untuk membina rumah-perahu atau *kabang* mereka. Mereka juga tidak dapat menangkap penyu laut seperti yang dilakukan dahulu.

Walau bagaimanapun, masih ada harapan untuk orang Moken. Disebabkan orang Moken tidak mempunyai tradisi membaca dan menulis, mereka mempunyai memori yang masih hidup berkenaan budaya, sejarah lisan dan mitos mereka. Pengetahuan tradisional ini telah menjadi sesuatu yang amat bernilai dalam masa orang Moken menghadapi minat yang baharu terhadap identiti budaya mereka. Peningkatan kesedaran tentang cara hidup orang Moken telah membawa kepada kolaborasi baharu di antara ahli antropologi, ahli muzium, jurugambar, pembuat filem, dan pekerja hak asasi manusia dan alam sekitar dengan orang Moken di Kepulauan Mergui untuk mendokumentasikan budaya dan pengetahuan tradisional mereka tentang laut dan tsunami. Salah satu contoh yang paling menonjol ialah penubuhan Moken Alive Museum di mana ilmu pembuatan bot, peta mental kawasan kepulauan dan objek ritual orang Moken sedang didokumentasikan dan dikaji secara sistematik.

- ★ Aktiviti dan pemikiran manusia secara langsung dan tidak langsung telah menyumbang kepada perubahan iklim, pembangunan yang tidak mampan dan ketidakserataan hak asasi manusia. Disebabkan kita telah menyumbang kepada masalah yang sedia ada, kita juga boleh menjadi sebahagian daripada jalan penyelesaiannya.

## Bab 3 Membina Kewarganegaraan Global

### MAKLUMAN KEPADA PENDIDIK

Bab ini membentangkan bagaimana Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED) boleh digunakan untuk membina pengetahuan, kemahiran dan nilai yang memperkasakan warga dunia untuk bekerjasama menyelesaikan cabaran yang paling mendesak hari ini. Dalam bab ini, pendidik boleh mendapati:

- atribut pembelajaran utama warga global
- prinsip pedagogi untuk Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED)
- Rangka Kerja Pendidikan Warisan untuk Warga Global

### Atribut Pembelajaran Utama Warga Global

Seorang warga global adalah seseorang yang memahami bahawa dunia adalah berhubung dan yang menunjukkan minat dan pemikiran kritis tentang isu-isu global. Selain daripada memiliki rasa kekitaan, warga global adalah seseorang yang berkongsi empati, perpaduan dan menghormati perbezaan dan kepelbagaian. Warga global bertindak secara bertanggungjawab di peringkat tempatan, nasional dan global untuk dunia yang lebih aman dan mampan (APCEIU, 2017).

Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED) adalah kerangka kerja tindakan kolektif di mana pelajar-pelajar pelbagai umur dalam pelbagai situasi dapat belajar untuk menjadi warga global yang proaktif dalam menyumbang kepada dunia yang lebih adil, damai, toleran, inklusif, selamat dan mampan. Matlamat GCED adalah untuk memperkasakan para pelajar untuk melibatkan diri dan memainkan peranan aktif di dalam dan di luar negara untuk menghadapi dan menyelesaikan cabaran global.

Berikut adalah atribut pembelajaran utama warga global yang disesuaikan daripada Topik dan Objektif Pembelajaran GCED (UNESCO 2015):

- **Berpengetahuan dan celik huruf**  
Pelajar menyedari hubungan antara sistem, struktur dan isu tempatan dan global melalui pembelajaran berasaskan inkuiri dan pembelajaran aktif.
- **Berhubung secara sosial dan menghormati kepelbagaian**  
Pelajar melihat persamaan dan perbezaan antara pelbagai budaya dan masyarakat secara inklusif dan hormat, serta memahami nilai bersama dan kemanusiaan sejagat.
- **Bertanggungjawab secara beretika dan terlibat**  
Pelajar memahami kesan tindakan kita terhadap orang lain serta persekitaran, dan menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab di pihak diri sendiri dan masyarakat dalam kehidupan seharian.

Strategi pengajaran dalam toolkit ini membantu memupuk atribut-atribut pelajar ini melalui proses pembelajaran aktif dan persekitaran yang mempromosikan dialog, kolaborasi dan renungan. Prinsip pedagogi GCED menyokong tetapan pembelajaran aktif yang


memperkasakan pelajar untuk menjadikan dunia yang lebih adil, inklusif, dan mampan.

### **Rangka Konsep Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED)**

Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED) adalah berkenaan pentingnya untuk belajar hidup bersama dengan orang lain dan dengan bumi kita. Pemuliharaan Warisan Air memerlukan pembelajaran transformatif yang terkandung dalam GCED. GCED mendekati pembelajaran melalui tiga dimensi konsep teras untuk menjadikan pembelajaran yang transformatif. Dimensi kognitif merangkumi pemerolehan pengetahuan, pemahaman dan pemikiran kritis pelajar. Dimensi sosio-emosi pula adalah berkenaan rasa kekitaan, berkongsi nilai dan tanggungjawab, empati, solidariti dan menghormati perbezaan dan kepelbagaian. Dimensi tingkah laku memerlukan para pelajar bertindak secara bertanggungjawab di peringkat tempatan, nasional dan global untuk dunia yang lebih aman dan mampan.

Mendidik mengenai kandungan (pengetahuan kognitif) isu global adalah tidak mencukupi. Pendidik juga harus membimbing pelajar untuk membangunkan kemahiran berfikir secara kritis untuk menilai kebimbangan tempatan atau global, serta memupuk kecekapan dan nilai sosio-emosi yang akan memperkasakan mereka untuk mengambil tindakan peribadi dan sosial untuk transformasi (APCEIU, 2018).

Walaupun dunia semakin saling berkait, para pelajar jarang bertanya bagaimana mereka boleh menyumbang kepada dunia yang lebih inklusif dan mampan. Hari ini, telah wujud keperluan untuk memupuk warga global yang memahami bahawa pemuliharaan budaya, kesediaan bencana dan kehidupan yang mampan adalah isu-isu yang global dan bukan sekadar isu tempatan, dan yang boleh mempromosikan masyarakat yang lebih inklusif dan damai. Oleh itu, tujuan transformatif GCED yang menumpukan kepada tindakan, perubahan dan transformasi adalah kunci untuk membangunkan warga global.



Rajah 3  
**Dimensi Konsep Teras GCED**

## Prinsip Pedagogi Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED)

Untuk mencapai matlamat GCED memerlukan pendekatan yang transformatif dan holistik terhadap pengajaran yang bukan sahaja menambahkan pengetahuan pelajar mengenai hal ehwal dan cabaran global tetapi juga mengembangkan kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk menjadikan dunia yang lebih baik. Pedagogi GCED mempunyai enam prinsip yang meliputi anjakan daripada pengajaran yang konvensional kepada yang transformatif. (APCEIU, 2018)




Figure 4: Pedagogical Principles of GCED.

Rajah 4  
Prinsip Pedagogi GCED

### Dialog dan Penyertaan

GCED paling berkesan di dalam persekitaran yang berpusatkan pelajar di mana pelajar dan guru boleh membincangkan isu-isu dan belajar bersama-sama. Guru harus melibatkan diri dalam dialog dengan pelajar dan menggalakkan mereka untuk terlibat dalam dialog antara satu sama lain. Dialog membolehkan pelajar berkongsi idea, bertanyakan soalan, mendengar antara satu sama lain, dan merenungkan perspektif baru yang dipelajari.

### Holistik dan Antar Disiplin (Pelbagai disiplin)

Pelajar perlu menyedari bahawa manusia dan alam sekitar saling berkait rapat. Oleh itu, GCED memerlukan pembelajaran yang holistik atau kajian berkenaan isu-isu yang mengambil kira pelbagai sudut (antar disiplin) dengan menggunakan kaedah pembelajaran yang pelbagai. Untuk mempelajari isu-isu global seperti pemuliharaan warisan dan bencana, pembelajaran tidak boleh terbatas kepada pemerolehan (secara kognitif) kandungan pengetahuan semata-mata. Proses pembelajaran menggalakkan pelajar mempelajari kepelbagaian sudut pandangan melalui perbincangan dan renungan berkumpulan mengenai isu kehidupan sebenar. Pendidik juga boleh mengadakan aktiviti kemasyarakatan di mana pelajar dapat berinteraksi dengan orang lain yang mempunyai latar belakang dan perspektif yang berbeza.

### **Mod Pelbagai**

Guru harus melibatkan pelajar secara holistik (minda, hati, dan badan). Penggunaan strategi pembelajaran yang berbeza yang melibatkan deria-deria seperti penglihatan, bunyi, bau, rasa, dan sentuhan adalah penting ketika mengajar. Bentuk pembelajaran kreatif termasuk perdebatan, drama, simulasi, seni, permainan peranan, dan penceritaan visual. Teknik mod pelbagai yang melibatkan pelbagai peringkat (kognitif, sosio-emosi, dan tingkahlaku) ini membolehkan pelajar menerapkan dengan lebih berkesan apa yang dipelajari.

### **Pembentukan Nilai**

Pendidik harus memberikan tumpuan bukan sahaja kepada pengajaran fakta, pengetahuan dan maklumat baru kepada pelajar tetapi juga kepada membantu pelajar mengembangkan nilai-nilai seperti empati, keadilan, belas kasihan, penghormatan, dan keamanan. Sebagai fasilitator, pendidik harus mengajar pelajar cara untuk mengukur nilai dan prinsip, cara untuk menilai jangkaan dan tindakan, dan cara untuk membangunkan nilai dan tabiat yang baik.

### **Pemberdayaan Kritikal**

Pelajar bukan sahaja perlu sedar akan dunia tetapi juga boleh bertindak secara kritikal terhadap cabaran tempatan dan global. Pendidikan kewarganegaraan global memerlukan pendidik untuk membimbing, memudahkan dan memotivasikan pelajar mereka untuk berfikir secara kritis tentang bagaimana keseimbangan tempatan adalah berkaitan dengan isu global. Pelajar digalakkan untuk memulakan perjalanan penyelidikan dan penemuan diri tentang dunia di sekeliling mereka.

### **Boleh diaplikasikan dan relevan (tempatan dan global)**

GCED menggalakkan pembelajaran yang memupuk kesedaran berkenaan isu-isu kehidupan sebenar. Ia menawarkan pelajar idea-idea yang relevan dan langkah-langkah yang sesuai untuk melakukan impak positif di peringkat tempatan yang akhirnya dapat mempengaruhi peringkat global. Pengetahuan yang relevan dan kemahiran praktikal memperkasakan pelajar untuk menerapkan apa yang telah dipelajari dalam kehidupan seharian mereka.

Pendekatan APCEIU juga sama dengan Baxter (2012). Untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang aktif yang kondusif kepada Pendidikan Kewarganegaraan Global, Baxter mencadangkan pendekatan berasaskan hak di mana



- pendidik menghormati keperluan pelajar dan pengalaman terdahulu;
- kaedah pembelajaran interaktif ditawarkan untuk membolehkan pelajar mempelajari dan menerapkan konsep baru;
- persekitaran pembelajaran mencerminkan prinsip asas hak asasi manusia: perlindungan, kesamarataan, kebebasan dan martabat;
- proses pembelajaran bersifat terbuka dan berteraskan penyertaan bagi menyokong kebebasan kanak-kanak untuk menyatakan pandangan dan hak kanak-kanak untuk mengambil bahagian sepenuhnya.

## Rangka Kerja Pendidikan Warisan untuk Warga Global

Pendidikan warisan budaya meletakkan asas proses pembelajaran dalam realiti persekitaran dan komuniti setempat dengan menyediakan peluang untuk menerokai, memahami dan melindungi warisan alam semulajadi dan budaya. Penelitian warisan juga memberikan kita perspektif yang lebih global terhadap warisan yang dimiliki bersama.

Pendidikan warisan budaya menyediakan konteks, manakala pendidikan kewarganegaraan global membina kemahiran abad ke-21 yang penting di kalangan pelajar. Kedua-dua pendidikan warisan budaya dan GCED sangat selaras dengan pendidikan yang bermodelkan transformasi sosial (APCEIU and Arts-ED, 2016).

Menurut Strategi Antarabangsa untuk Pengurangan Bencana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNISDR), lebih 100 juta kanak-kanak (berumur 0 hingga 17 tahun) di Asia Tenggara dipengaruhi oleh bencana setiap tahun (ASEAN, 2016). Banyak pendapat telah menyatakan pentingnya kanak-kanak dan komuniti mereka untuk lebih menyedari hubungan tempatan dan global antara warisan, bencana dan pembangunan mampan. Toolkit ini menggunakan rangka pendidikan warisan yang dimaklumkan oleh Pendidikan Kewarganegaraan Global (UNESCO, 2015). Budaya yang diekspresikan oleh masyarakat berkaitan Warisan Air adalah penting, bukan sahaja untuk identiti dan sejarah mereka sendiri, tetapi juga untuk semua.

| Rangka Kerja Pendidikan Warisan untuk Warga Global                           |   |
|--|---|
| Dimensi Konsep Teras Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED) (UNESCO, 2015) | Rangka Kerja Pendidikan Warisan dari Toolkit ini yang diselaraskan dengan GCED  |
| Dimensi kognitif   | <b>ALAT #1 BERFIKIR:</b><br>Pelajar berfikir secara kritis tentang pemuliharaan Warisan Air serta warisan mereka sendiri sebagai isu tempatan, serantau dan global. |



|                             |   |
|-----------------------------|---|
| <b>Dimensi sosio-emosi</b>  | <b>ALAT #2 BERKONGSI:</b><br>Pelajar membayangkan dunia yang lebih sempurna di mana semua orang merasakan hubungan kekitaan yang kuat sehingga meningkatkan keprihatinan terhadap risiko kepada warisan dan budaya yang pelbagai. |
| <b>Dimensi tingkah laku</b> | <b>ALAT #3 BERTINDAK:</b><br>Pelajar memulakan projek-projek kecil tetapi bermakna untuk mempromosikan pemikiran dan tindakan yang lestari yang mengurangkan risiko kepada warisan.   |

Rajah 5

### Rangka Kerja Pendidikan Warisan untuk Warga Global

Rangka pendidikan warisan ini bertujuan untuk memupuk warga global yang mempunyai sifat ingin tahu akan salingkait bahaya-bahaya kepada warisan yang dihadapi oleh pelbagai komuniti dan negara. Sifat ingin tahu ini bukan sahaja mendorong para pelajar untuk berfikir secara kritis tentang isu-isu global tetapi juga membawa mereka untuk membayangkan kesan positif dan negatif bahaya alam semulajadi dan manusia.

Rangka Warisan ini juga menerapkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Sasaran 4.7 dan Sasaran 11.4 yang dijangka siap menjelang 2030.

|  |
|--|
| SDG Sasaran 4.7<br><br>Untuk memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mempromosikan pembangunan mampan, antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan dan gaya hidup lestari, hak asasi manusia, kesamarataan jantina, promosi budaya yang aman dan tanpa kekerasan, kewarganegaraan global dan penghayatan kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan. |
| SDG Sasaran 11.4<br><br>Untuk menguatkan usaha melindungi dan menjaga warisan budaya dan alam semulajadi di dunia.   |

Untuk maklumat lanjut tentang SDG, sila lawati: <https://sustainabledevelopment.un.org>

## **Bab 4            Mengajar dan Merenung untuk Tindakan**

### **MAKLUMAN KEPADA PENDIDIK**

Bab akhir ini menyampaikan kepada pendidik:

- cadangan tema-tema kewarganegaraan global yang boleh diterokai pelajar menggunakan Warisan Air
- strategi pembelajaran berasaskan inkuiri yang boleh digunakan dengan kad foto yang terdapat dalam toolkit ini
- sepuluh idea untuk pembelajaran berasaskan penyertaan

### **Tema Kewarganegaraan Global dalam Warisan Air**

Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED) memupuk rasa kepunyaan bersama, nilai bersama dan keadilan sosial. Kewarganegaraan dunia menggalakkan nilai sejagat hak asasi manusia, demokrasi, tanpa diskriminasi, dan kepelbagaian (UNESCO, 2016). Nilai-nilai ini juga penting untuk pemeliharaan Warisan Air. GCED mengakui bahawa untuk membina masyarakat yang aman dan mampan, masyarakat perlu mengubah cara hidup sesama kita dan dengan bumi.

Berikut adalah sepuluh tema kewarganegaraan global yang boleh diterokai oleh pendidik menggunakan Warisan Air. Senarai ini tidak lengkap. Bolehkah anda memikirkan topik-topik atau tema-tema lain yang berkaitan dengan sekolah atau komuniti anda sendiri?

**Menghormati Kepelbagaian Budaya**

**Menghayati Alam Semulajadi**

**Menyokong Pengeluaran dan Penggunaan yang Lestari**

**Pengurusan Risiko Bencana**

**Perubahan Iklim**

**Pencemaran Air**

**Hak Asasi Manusia**

**Pembasmian Kemiskinan**

**Pengurusan Sisa Buangan**

## **Keuntungan, Manusia dan Bumi**

## Pembelajaran Berasaskan Inkuiri Menggunakan Kad Foto

GCED menggalakkan para pendidik untuk merancang pembelajaran interaktif dan berpusatkan pelajar yang membolehkan penerokaan, dan pembelajaran berorientasikan tindakan dan transformatif. Set berjumlah 25 kad foto yang terdapat di dalam toolkit ini memaparkan gambar-gambar dari lima tapak Warisan Air yang boleh digunakan sebagai titik permulaan pembelajaran aktif. Setiap tapak diwakili oleh lima gambar. Empat daripada gambar ini memberikan gambaran yang lebih luas berbanding gambar utama. Di sebaliknya empat gambar ini adalah empat imej kehidupan di setiap tapak Warisan Air. Setiap set kad foto mempunyai sepanduk warna yang sama.

### Teluk Ha Long, Vietnam



Kad foto utama



Kira-kira 4 juta pelancong melawat Teluk Ha Long pada 2018. Kebanyakan mereka dibawa melawat teluk ini menggunakan bot pelancong ini. Apakah tarikan yang terdapat di Teluk Ha Long?



Sebuah perahu nelayan kecil di Teluk Ha Long. Perahu-perahu ini digunakan dalam perjalanan untuk menangkap ikan di mana keluarga nelayan akan hidup di atas perahu selama beberapa hari untuk menangkap dan menjual ikan. Apakah yang anda akan bawa ke atas perahu sebegini?



Walaupun kampung terapung telah ditempatkan semula di darat, beberapa ladang ikan kekal sebagai sumber pendapatan. Kerajaan tempatan juga menggunakan beberapa ladang ikan sebagai ruang warisan budaya untuk kegunaan pelancong mempelajari tentang gaya hidup masyarakat nelayan di teluk.



Perahu-perahu yang merupakan gerai-gerai bergerak yang menjual air, makanan segar, makanan laut, buah-buahan dan cenderahati biasa dilihat. Sekiranya anda tinggal di atas air, apakah jenis makanan yang anda akan perlukan?

### Tasik Inle, Myanmar



Kad foto utama



Penduduk di Tasik Inle menanam sayur-sayuran mereka di kebun terapung. Pertanian organik telah mengurangkan jumlah baja kimia yang mencemarkan tasik. Apakah jenis baja yang digunakan di ladang-ladang berdekatan anda?



Seorang nelayan menggunakan sebelah kaki untuk mengayuh perahu meninggalkan tangannya bebas untuk mengendalikan jaring ikan. Apakah kebolehan unik yang terdapat dalam komuniti anda?



Rumah-rumah yang dibina di atas tiang menyediakan perlindungan daripada banjir dan juga ruang untuk menyimpan bot dan peralatan menangkap ikan.



Perayaan Pagoda Phaung Daw Oo berlangsung selama 18 hari. Diadakan sekali setahun, Karaweik atau tongkang burung mitos membawa empat imej Buddha dalam perarakan yang singgah di 14 buah kampung sekitar Tasik Inle. Apakah perayaan yang paling penting dalam komuniti anda?

## Kampong Ayer, Brunei Darussalam



Kad foto utama



Tangga-tangga yang menyediakan jalan masuk ke sungai adalah perkara biasa di Kampong Ayer di mana teksi sungai merupakan mod pengangkutan awam yang utama.



Di stesen bomba ini, petugas pemadam kebakaran menggunakan kedua-dua bot dan enjin api untuk berkhidmat kepada semua rumah di Kampong Ayer, tidak kira yang dibina di atas tanah atau di atas air. Apakah yang akan anda lindungi di rumah dan komuniti anda jika berlakunya kebakaran?



Jalan kayu sepanjang 38 kilometer menghubungkan 40 buah kampung. Paip air dan wayar elektrik yang mengikut laluan ini memastikan setiap rumah mempunyai akses kepada air dan elektrik. Bagaimanakah keadaan hidup tanpa air dan elektrik?



Beberapa isi rumah masih membuat layang-layang sebagai perniagaan sampingan dan untuk aktiviti masa lapang. Menariknya, layang-layang yang dijual diperbuat daripada kertas berwarna yang baru, manakala layang-layang yang dibuat untuk anak-anak keluarga ini menggunakan bahan kitar semula, contohnya beg plastik. Apakah cara lain untuk mengitar semula beg plastik?

## Orang Moken, Kepulauan Mergui, Myanmar dan Ko Surin, Thailand



Kad foto utama



Orang Moken menyampaikan kegembiraan dan kesedihan mereka melalui muzik, lagu dan tarian semasa perhimpunan sosial dan semasa upacara nenek moyang. Apakah persembahan tradisional yang dihargai oleh komuniti anda?

Dengar rakaman lagu Moken tentang tsunami 2004 di laman web ini <https://archive.org/details/Moken>



Orang Moken menghabiskan sembilan bulan di laut. Semasa musim tengkujuh, mereka membina tempat perlindungan sementara untuk melindungi diri mereka daripada hujan dan ribut. Rumah-rumah sementara ini akan ditinggalkan pada musim kemarau.



Di sesetengah komuniti, tiang semangat atau *lobung* diukir untuk menghormati nenek moyang setiap kali tibanya musim hujan. Tiang-tiang ini kadang-kadang diletakkan di depan rumah untuk perlindungan atau digunakan semasa *bo lobung*, ritual tahunan yang menceritakan semula sejarah orang Moken. Apakah jenis perayaan tahunan yang terdapat dalam komuniti anda?



Seorang kanak-kanak Moken menggambarkan tsunami 2004 sebagai gelombang besar dengan mata yang mengancam untuk memusnahkan orang dan rumah.

## Tonle Sap, Siem Reap, Kemboja



Jambatan-jambatan yang menghubungkan rumah-rumah yang didirikan di atas tiang dibina oleh penduduk Kampung Phluk. Jambatan-jambatan ini juga membolehkan bot-bot melintas di bawahnya.



Kad foto utama



Rumah terapung di Tonle Sap kebiasaannya menempatkan penduduk yang tidak mempunyai sijil kewarganegaraan untuk membeli rumah di darat. 20 hingga 30 buah rumah terapung biasanya berkumpul untuk membentuk sebuah komuniti. Anda juga boleh melihat hospital, sekolah dan kedai terapung di tasik ini.



Seperti kebanyakan kampung di Tonle Sap, jalan utama di Kampong Phluk adalah jalan air. Kadang-kadang, anda akan dapat melihat nelayan memperbaiki jaring mereka atau membuat ladang ikan, dan orang-orang yang sedang bersuka ria di atas bumbung bot mereka. Bagaimanakah jalan utama di dalam komuniti anda? Apakah jenis mata pencarian atau aktiviti-aktiviti masa lapang yang boleh anda lihat?



Air mencapai paras atas pokok apabila paras air Tonle Sap meningkat semasa musim hujan. Kanak-kanak menyesuaikan diri dengan kehidupan di tasik dengan belajar untuk berenang dan menggunakan bot bermotor semenjak kecil lagi. Hutan adalah penting untuk melindungi kampung daripada ribut. Hutan yang dibanjir menyediakan ruang yang selamat untuk ikan membiak.

## Lima Cara Menggunakan Kad Foto

| <b>Strategi</b>  | <b>Pelajar di antara umur 7 hingga 9 tahun</b>  | <b>Pelajar di antara umur 10 hingga 12 tahun</b>  |
|--|---|---|
| <b>1. Kad teka-teki</b><br>Pendidik boleh memaparkan kad foto utama dan mengajak pelajar-pelajar untuk mencari 4 kad foto yang lain untuk mengenal pasti setiap daripada lima Tapak Warisan Air. | Selepas menyelesaikan teka-teki ini, dalam kumpulan kecil, pelajar akan menyenaraikan benda-benda yang kelihatan dalam kad foto.                              | Selepas menyelesaikan teka-teki ini, pelajar menyenaraikan soalan yang boleh ditanyakan kepada penduduk di tapak Warisan Air tertentu.  |
| <b>2. Membentuk takungan kata</b>  | Pendidik menggesa para pelajar untuk menghasilkan seberapa banyak kata sifat yang dapat digunakan untuk menerangkan kad foto yang ada pada mereka.            | Secara berpasangan, pelajar menghasilkan seberapa banyak perbualan berdasarkan kad foto yang ada pada mereka.   |
| <b>3. Bulatan cerita</b>   | Dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada sepuluh pelajar, setiap pelajar dijemput untuk membuat ayat bagi membentuk cerita fiksi berdasarkan satu kad foto. | Dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat pelajar, bincangkan apa yang mungkin berlaku sebelum dan selepas gambar itu diambil. Bentukkan satu cerita.                    |
| <b>4. Melukis tanpa melihat</b>  | Pendidik menggambarkan apa yang terdapat dalam satu kad foto dan mengajak pelajar untuk melukis apa yang telah digambarkan tanpa melihat kad foto.            | Dalam pasangan, seorang pelajar menerangkan apa yang dapat dilihat dalam kad foto kepada pelajar lain yang akan cuba melukis apa yang telah digambarkan tanpa melihat kad foto. |

|   |  |
|---|--|
| <p><b>5. BERFIKIR–BERKONGSI–BERTINDAK</b></p> | <p>Di sebalik kad foto utama terdapat soalan-soalan dan aktiviti-aktiviti mini yang memperkasakan pelajar untuk BERFIKIR, BERKONGSI dan BERTINDAK untuk menjadikan dunia yang lebih adil, damai, inklusif dan mampan.</p> <p>Pelajar-pelajar yang lebih muda mungkin memerlukan bantuan pendidik untuk membaca soalan bersama-sama.</p> <p>Pelajar-pelajar yang lebih berumur boleh membaca dan menjawab sendiri soalan-soalan dalam kumpulan kecil.</p> |
|---|--|



## Sepuluh Idea Pelajaran Berasaskan Penyertaan

Di samping menggunakan kad foto, para pendidik dan pelajar juga boleh mereka sendiri pengalaman warisan dan kewarganegaraan global mereka. Untuk membantu anda, berikut adalah sepuluh idea pelajaran yang membolehkan pelajar terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti dan memperoleh pengetahuan berkenaan prinsip GCED.

---

### Teluk Ha Long, Vietnam

#### Idea Pelajaran # 1 Bingo Kepelbagaian Bio (7 hingga 9 tahun)

**Objektif:** Pelajar memerhatikan haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam sesebuah komuniti dan membincangkan cara terbaik untuk melindungi mereka.

#### BERFIKIR

Terdapat banyak jenis haiwan dan tumbuh-tumbuhan di Teluk Ha Long. Jika kita melihat dengan teliti, kita boleh belajar menghargai alam sekitar kita. Ajak pelajar-pelajar untuk melengkapkan Bingo Kepelbagaian Bio sambil berjalan-jalan di taman atau ruang hijau berhampiran sekolah anda. Mereka boleh mengisi nama atau melukis untuk melengkapkan mana-mana empat kotak secara menegak, mendatar atau menyerong (Lampiran 1: Templat Bingo Kepelbagaian Bio).

Sampel

|  |  |  |                                   |
|--|--|--|-----------------------------------|
| Haiwan dengan empat kaki   | Pokok yang berbunga                                  | Serangga                                 | Tumbuhan yang menjalar atas pokok |
| Tumbuhan dengan daun yang lebih kecil daripada telapak tangan saya | Serangga   | Tumbuhan yang lebih pendek daripada saya | Haiwan yang terbang               |
| Tumbuhan dengan daun yang lebih besar daripada telapak tangan saya | Haiwan dengan dua kaki                               | Tumbuhan yang lebih tinggi daripada saya | Haiwan tanpa kaki                 |
| Haiwan yang terbang  | Tumbuhan dengan bunga lebih besar daripada mata saya | Haiwan dengan empat kaki                 | Tumbuhan yang berbunga            |

Fikirkan mengapa haiwan dan tumbuh-tumbuhan ini penting di dalam ekosistem.

---

### BERKONGSI

Dalam kumpulan kecil, pelajar memilih satu haiwan atau tumbuhan yang mereka ingin lindungi dari kertas bingo mereka. Kumpulkan daun kering, ranting dan biji benih dari alam semulajadi untuk membuat imej binatang atau tumbuhan yang dipilih. Galakkan pelajar untuk memasukkan seberapa banyak butiran yang dapat mereka lihat.

Kongsikan jawapan-jawapan kepada beberapa senario “Bagaimana jika ...”.  
Bagaimana jika tidak ada lagi lebah di dunia? Apakah yang akan terjadi?

---

### BERTINDAK

Dalam kumpulan yang terdiri daripada empat ahli, pilih satu haiwan atau tumbuhan untuk diberikan tumpuan. Buat poster menggunakan bahan semulajadi untuk menarik perhatian kepada pentingnya tumbuhan atau haiwan ini kepada ekosistem kita. Bincangkan bagaimanakah kita dapat membantu melindungi tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran semulajadi.

### Idea Pelajaran #2 Pelarian Pemuliharaan (10 hingga 12 tahun)

**Objektif:** Pelajar membayangkan perasaan nelayan-nelayan yang dipaksa untuk berpindah sebelum berfikir dengan lebih mendalam tentang cerita, tempat dan objek yang dihargai oleh komuniti anda.



Gambar 26

**Memancing menggunakan jala dan baldi kecil, Teluk Ha Long, Vietnam**

Ha Long Bay, north Vietnam by Richard Mortel

<https://flickr.com/photos/43714545@N06/38511896652>



### BERFIKIR

Masyarakat nelayan di Teluk Ha Long telah lama hidup di rumah terapung dan ladang ikan bergerak. Apabila Teluk Ha Long menjadi Tapak Warisan UNESCO, kerajaan tempatan menempatkan semula nelayan dan keluarga mereka di darat untuk memastikan teluk ini bersih daripada sisa buangan dan aktiviti manusia.

Usaha pemuliharaan ini telah memindahkan para nelayan, dan menjadikan mereka pelarian di tempat sendiri. Artikel 23 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk bekerja, untuk memilih pekerjaan, untuk mendapat keadaan kerja yang adil dan menguntungkan dan untuk mendapat perlindungan daripada pengangguran. Walau bagaimanapun, keluarga yang dipaksa untuk berpindah ke darat masih lagi menganggur walaupun dijanjikan penghidupan alternatif oleh kerajaan tempatan. Mereka juga tidak dapat membiasakan diri di darat. Di samping itu, pembinaan pelabuhan baru untuk memastikan akses mudah ke bot mereka telah dihentikan kerana masalah kewangan. Walaupun beberapa ladang ikan terapung telah dipelihara sebagai warisan budaya untuk pelancongan, masyarakat nelayan tidak mendapat manfaat daripada

kesan ledakan pelancongan. Malah, keadaan hidup mereka menjadi lebih buruk. Pada masa yang sama, pelancong yang melawat Teluk Ha Long untuk mengalami sendiri kehidupan di kampung terapung berasa kecewa dengan struktur-struktur yang seolah-olah tidak hidup (Tran, 2019).

Sekiranya anda kakitangan kerajaan yang paling berkuasa di Teluk Ha Long, apakah yang akan anda lakukan untuk membantu komuniti nelayan dan Teluk Ha Long?

-----

### **BERKONGSI**

Dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat ahli, pelajar membayangkan mereka adalah ahli keluarga nelayan yang buta huruf yang kini menganggur di darat. Gunakan kad foto untuk membantu menetapkan konteks. Labelkan diri sendiri sebagai bapa, ibu, dan anak-anak (pilih umur) dan kongsi bagaimana perasaan berpindah ke tempat yang baru? Apakah perkara yang paling dirindui? Apakah kelebihan tinggal di darat? Bagaimana perasaan anda? Tuliskan peranan yang anda mainkan di atas sekeping kertas, dan di sebelah belakang kertas tersebut, tuliskan fikiran-fikiran anda. Tukarkan kertas-kertas fikiran ini dengan kumpulan-kumpulan lain.

-----

### **BERTINDAK**

“Warisan Teluk Ha Long bukan hanya landskapnya, tetapi juga penduduknya.”

Nguyen Kim Anh, penyelaras projek di Vietnam untuk Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP)

Apakah maksud ayat ini kepada anda?

Apakah jenis orang dan gaya hidup yang unik dalam komuniti anda?

Kisah, tempat dan objek manakah yang dihargai oleh komuniti anda?

Gunakan Jadual Warisan Budaya dalam Lampiran 2 untuk membuat inventori warisan budaya yang penting di sekeliling anda. Jika perlu, lakukan temubual bersama orang-orang tua.

## Tasik Inle, Myanmar

### Idea Pelajaran #3 Perayaan: Dulu dan Sekarang (7 hingga 9 tahun)

**Objektif:** Pelajar boleh mempelajari persamaan dan perbezaan antara perayaan-perayaan komuniti lain untuk membangunkan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya.

#### BERFIKIR

Masyarakat sekitar Tasik Inle merayakan Phaung Daw Oo Pagoda Festival setiap tahun selama 18 hari. Karaweik atau tongkang burung mitos membawa empat imej Buddha yang dihormati dalam perarakan yang singgah di 14 buah kampung di sekitar Tasik Inle.

Apakah perayaan yang paling penting dalam komuniti anda? Apakah perayaan golongan minoriti yang kurang diketahui umum? Dalam kumpulan yang terdiri daripada empat orang ahli, ajak pelajar untuk mengumpulkan dan menggunakan bahan kitar semula untuk membuat kotak diorama yang menggambarkan beberapa perayaan dalam komuniti anda. Selepas selesai, dapatkan pelajar untuk berfikir tentang persamaan dan perbezaan antara pelbagai perayaan dari pelbagai kumpulan dalam komuniti.



Sumber: Kad foto Inle

---

#### BERKONGSI

Pelajar menggunakan soalan yang dicadangkan dalam Seksyen 3 **Amalan Sosial, Ritual dan Perayaan**, dan juga seksyen lain jika sesuai, dari Jadual Warisan Budaya (Lampiran 2) untuk menemubual orang-orang tua, ahli keluarga atau tokoh penting dalam perayaan komuniti. Ajak pelajar untuk mengongsikan renungan mereka terhadap perayaan tersebut juga.

---

#### BERTINDAK

Galakkan pelajar untuk berfikir tentang bagaimana mereka boleh menggunakan kotak diorama yang telah dibuat untuk menyebarkan kesedaran tentang pelbagai jenis perayaan di sekeliling mereka. Bagaimanakah mereka akan menekankan persamaan yang mereka telah bincangkan untuk mewujudkan komuniti yang lebih inklusif?

### Idea Pelajaran # 4 Kehidupan Baru untuk Sampah! (10 hingga 12 tahun)

**Objektif:** Pelajar akan membincangkan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab dalam komuniti mereka.



Gambar 27

**Peningkatan bilangan pelancong di Tasik Inle menyebabkan lebih banyak sisa untuk diurus**

© Roelof Schierbeek

---

### BERFIKIR

Inle Hnin Si adalah sebuah perusahaan sosial di perbandaran Nyaung Shwe, Tasik Inle, yang menguruskan sisa buangan. Syarikat ini memberi tumpuan kepada proses-proses lestari seperti pengasingan sampah dan penggunaan semula sisa buangan. Daripada membakar sampah, ia mengasingkan sampah kepada apa yang dapat dikitar semula, seperti plastik dan tin; sisa dapur, yang boleh digunakan sebagai baja tanaman; sisa makanan, yang boleh digunakan sebagai makanan haiwan; dan sisa pembinaan, yang boleh digunakan untuk mengambus tanah. Kerajaan telah menyediakan syarikat ini dengan kawasan di mana ia menukar sampah terbiodegradasi dari hotel dan restoran di bandar menjadi baja. Ia juga merancang untuk menternak babi dan lembu (Khin, 2019).

- Bagaimanakah sampah dilupuskan dalam komuniti anda?
- Apakah kumpulan-kumpulan yang berbeza yang perlu bekerjasama dalam pengurusan pelupusan sampah yang lebih berkesan?
- Dapatkan maklumat daripada pemungut sampah atau kunjungi sebuah loji pemprosesan sampah.

---

### BERKONGSI

Setiap pelajar membawa sekeping sampah dari rumah. Dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat ahli, bincangkan kegunaan baru untuk sampah yang dikumpulkan dan lakukan ikhtiar bersama-sama untuk memberikannya kehidupan yang baru. Sebagai contoh, suratkhbar lama boleh dijadikan beg kertas, tin lama boleh dijadikan pemegang pensil, atau peti buah-buahan terpakai dapat dijadikan bangku dengan pemikiran yang kreatif.

Berkongsi:

- apakah benda yang sering dibuang oleh ahli keluarga atau komuniti anda?
- bagaimanakah perasaan anda tentang mengubah sampah menjadi benda yang berguna?
- mengapakah komuniti perlu mengitar dan mengguna semula?

---

**BERTINDAK**

Dengan menggunakan barang-barang yang telah anda guna semula, bagaimanakah anda akan mempromosikan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab dalam komuniti anda?

---

## Kampung Ayer, Brunei Darussalam

### Idea Pelajaran # 5 Mendokumentasikan Kraf (7 hingga 9 tahun)

**Objektif:** Pelajar mendokumenkan seni kraf tradisional yang terpilih dan mempelajari bagaimana mereka dapat mempromosikan kesedaran masyarakat tentang perdagangan dan seni kraf yang telah lenyap.

#### BERFIKIR

Seni kraf tradisional sering kali tidak disedari oleh masyarakat sehingga mereka mulai lenyap. Di Kampung Ayer, sesetengah penduduk kampung masih membuat layang-layang kertas untuk dijual atau dimainkan. Apakah jenis kraf yang unik yang terdapat dalam komuniti anda? Gunakan soalan yang dicadangkan dalam Bahagian 5 Seni Kraf Tradisional dari Jadual Warisan Budaya (Lampiran 2) untuk menemubual tukang, pembeli, dan pengguna barangan yang dihargai dalam komuniti. Fikirkan sebab mengapa barangan-barangan ini penting kepada komuniti.

**Sumber:** Kad foto Kampung Ayer



---

#### BERKONGSI

Kebanyakan seni kraf tradisional tidak mempunyai arahan bertulis atau gambar. Untuk memastikan mereka masih dapat dihargai oleh generasi akan datang, pelajar boleh diajak untuk melukis atau mengambil satu siri gambar atau klip video pendek berkenaan seni kraf yang menarik minat mereka. Mereka boleh menyediakan keterangan untuk setiap lukisan, dan mengambil gambar untuk mendokumenkan proses pembuatan kraf yang dianggap istimewa kepada komuniti mereka sendiri. Mereka juga boleh memuat naik gambar atau klip video mereka menggunakan saluran yang sesuai untuk membantu meningkatkan kesedaran warisan budaya mereka sendiri.

Jika anda mempunyai akses, contoh dokumentasi video warisan kebudayaan tempatan yang dibuat oleh pelajar-pelajar dari negara-negara yang berbeza di Asia Tenggara boleh didapati dari koleksi “SEAMEO Cultural Week” (Minggu Kebudayaan SEAMEO) dalam saluran YouTube SEAMEO SPAFA (dikategorikan mengikut negara) di <https://www.youtube.com/user/SEAMEOSPAFA>.

---

#### BERTINDAK





---

## **BERTINDAK**

Pembelajaran membincangkan, mengundi dan membuat keputusan mengenai satu elemen warisan kebudayaan untuk memulakan projek kesedaran yang kecil di sekolah atau di ruang komuniti.

---

## Orang Moken, Kepulauan Mergui, Myanmar dan Ko Surin, Thailand

### Idea Pelajaran # 7 Hak Asasi Manusia melalui Seni (7 hingga 9 tahun)

**Objektif:** Pelajar menerokai kesan akibat tsunami dan mencadangkan cara untuk melindungi apa yang mereka hargai.

#### BERFIKIR

Orang Moken mempunyai cerita rakyat tentang *laboon* atau tsunami. Mereka memanggilnya gelombang yang memakan segala yang dalam laluannya. Pengetahuan tradisional mereka tentang alam semulajadi dan tanda-tanda tsunami telah menyelamatkan nyawa orang ramai semasa tsunami tahun 2004. Pelajar diajak untuk mengetahui

- Di negara anda atau di dunia ini, di manakah kawasan yang telah terjejas oleh tsunami?
  - Adakah terdapat kisah atau pepatah tradisional di komuniti anda mengenai tsunami, bahaya cuaca atau cuaca?
- 

#### BERKONGSI

Orang Moken yang menyaksikan tsunami 2004 semuanya selamat kerana mereka tahu akan tanda-tanda gelombang besar ini. Gambar ini dilukis oleh kanak-kanak Moken yang mengalami tsunami tahun 2004. Berikut adalah beberapa soalan untuk membangunkan empati terhadap mereka yang terpaksa menghadapi tsunami.

- Dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat ahli, bincangkan apa yang dapat dilihat dalam kad foto yang mengandungi lukisan tsunami.
- Secara berpasangan, kongsi apa yang mungkin berlaku kepada rumah, sekolah atau komuniti anda sekiranya berlaku tsunami atau bencana alam. Bagaimanakah perasaan anda, keluarga dan rakan-rakan anda semasa dan selepas bencana?
- Sekiranya anda boleh menulis surat kepada seorang kanak-kanak yang mengalami akibat tsunami tahun 2004, apakah yang akan anda kata untuk menghiburkannya?

**Sumber:** Kad foto Moken



#### BERTINDAK

Orang Moken ingin kekal bergerak di laut dan mengekalkan cara hidup mereka. Di Ko Surin, undang-undang yang berkaitan dengan Rizab Alam Sekitar memerlukan mereka untuk menetap di rumah-rumah dan tidak membenarkan orang Moken menebang kayu untuk membina perahu. Artikel 27 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) menjelaskan bahawa

setiap orang mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam kehidupan budaya masyarakat. Tetapi kebanyakan orang Moken tidak dapat mengekalkan gaya hidup nomad mereka dan mengembangkan warisan budaya mereka. Bagaimana jika anda menghadapi situasi yang sama?



Gambar 29

**Sesetengah orang Moken di Ko Surin, Thailand telah dipaksa untuk berpindah ke darat**

©Moken Alive Museum

Pelajar diajak untuk melukis barangan keluarga yang berharga yang ingin dilindungi. Ianya boleh jadi orang, barang atau cara hidup. Dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat ahli, bincangkan cara-cara yang mungkin digunakan untuk memelihara apa yang mereka hargai.

### **Idea Pelajaran # 8 Lautan Plastik (10 hingga 12 tahun)**

**Objektif:** Pelajar berfikir secara kritis mengenai pencemaran plastik dan mencari cara untuk mengurangkan penggunaan plastik atau untuk mengguna semula sisa plastik.

#### **BERFIKIR**

Kepada orang Moken, lautan adalah alam semesta mereka. Plastik mengancam kehidupan yang terdapat di atas dan bawah laut. Setiap tahun, sembilan juta tan plastik memasuki lautan kita.

Jika anda mempunyai akses, sebagai aktiviti permulaan, tunjukkan pelajar video animasi berkenaan Polis Plastik. Sebagai alternatif, pelajar boleh diajak untuk menamakan tempat-tempat dalam komuniti mereka yang terjejas oleh pencemaran plastik. Bincangkan sebab-sebab mengapa terdapat banyak sisa plastik dalam komuniti dan negara anda, dan di seluruh dunia?

#### **Sumber:**

Animasi pendidikan berkenaan Pencemaran Plastik dalam bahasa Indonesia

([https://youtu.be/VC\\_guaMaQcw](https://youtu.be/VC_guaMaQcw)), bahasa Inggeris (<https://youtu.be/RS7IzU2VJIQ>), dan bahasa Vietnam (<https://youtu.be/ALpVB6P6zLw>)

---

#### **BERKONGSI**

Laut adalah tempat tinggal orang Moken. Tetapi tempat tinggal ini telah dicemari oleh sampah yang bukan milik mereka. Kumpulkan sampah plastik di kawasan sekolah atau di kawasan komuniti. Anda boleh menggunakan penyepit kayu atau kotak kadbod yang dikitar semula

untuk memastikan aktiviti ini lestari dan mesra alam. Telitikan dan asingkan sampah-sampah yang dikumpul dan bincangkan sebab-sebab sampah ini dibuang.

- Pelajar menggunakan sampah yang dikumpul untuk membuat imej haiwan laut yang terjejas oleh pencemaran sampah. Pada tahun 2018, Program Alam Sekitar PBB (UNEP) menganjurkan 'Beat Plastic Pollution', sebuah pameran seni yang menggunakan sampah plastik yang terdapat di Bali dan Seoul. Anda juga boleh membuat pameran untuk meningkatkan kesedaran mengenai sisa plastik.
- Pelajar boleh bertanya kepada orang-orang tua dalam keluarga atau komuniti mereka tentang bahan-bahan yang digunakan dahulu sebelum adanya plastik.
- Pelajar digalakkan untuk berfikir tentang cara untuk mengurangkan penggunaan plastik tunggal atau untuk mengguna semula sisa plastik.



Gambar 30  
**Pameran #BeatPlasticPollution di Seoul, Korea**  
©UNEP

**Sumber:** Kempen Laut Bersih UNEP (UNEP Clean Seas Campaign) dan pakej pendidikan untuk guru, pelajar dan ibu bapa boleh didapati di <https://www.cleanseas.org/back-school>

---

## BERTINDAK



Gambar 31  
**Sebuah taman permainan berwarna-warni yang diperbuat daripada bahan buangan plastik terpakai di pasar tani di Nakhon Pathom, Thailand**  
© Vassana Kerdsupap

Orang Moken mengitar atau mengguna semula bahan-bahan yang mereka dapati di lautan atau di pantai. Begitu juga, penganjur pasar tani di Nakhon Pathom, Thailand mengguna semula sampah plastik untuk membuat taman permainan.

Buat jurnal foto atau video pendek tentang bagaimana sekolah atau komuniti anda mengurangkan penggunaan plastik atau mengguna semula sampah plastik. Anda boleh mengongsikan gambar atau klip video di media sosial atau mengadakan pameran di sekolah atau komuniti anda bagi menyebarkan mesej untuk mengurangkan sampah plastik.

## Tonle Sap, Siem Reap, Cambodia

**Idea Pelajaran # 9 Cabaran penebangan hutan! (7 hingga 9 tahun)**

**Objektif:** Pelajar menerokai hubungan di antara mata pencarian dan air.

## **BERFIKIR**

Penebangan hutan telah mengurangkan tempat pembiakan ikan di hutan banjir Tonle Sap. Pokok-pokok adalah sangat penting untuk kelestarian bumi. Pelajar diajak untuk melukis pokok kegemaran mereka yang terdapat di sekolah atau di komuniti. Kemudian, dalam kumpulan yang terdiri daripada empat ahli, senaraikan 10 kepentingan pokok-pokok kepada orang, haiwan dan tumbuhan lain dalam komuniti anda.



Gambar 32

### **Hutan banjir di Tonle Sap, Kemboja**

Tonle Sap Kampong Phlout oleh Jakob Halun

[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:20171129\\_Tonle\\_Sap\\_Kampong\\_Phloek\\_6027\\_DxO.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:20171129_Tonle_Sap_Kampong_Phloek_6027_DxO.jpg)

---

## **BERKONGSI**

Penduduk di Tonle Sap sedar bahawa hutan memberikan mereka perlindungan daripada ribut tropika.

- Pelajar boleh menggunakan soalan-soalan yang dicadangkan dalam Bahagian 4 **Pengetahuan dan Amalan tentang Alam Semulajadi dan Alam Semesta** dari Jadual Warisan Kebudayaan (Lampiran 2) untuk menemubual orang-orang tua dan pengamal perubatan tradisional.
- Kumpulkan cerita-cerita dan kata-kata berkenaan pokok, hutan air dan haiwan.
- Kongsikan pandangan yang berbeza mengenai alam semulajadi.

---

## **BERTINDAK**

Ajak pelajar untuk mengenalpasti kawasan-kawasan dalam komuniti yang memerlukan penanaman semula pokok. Fikirkan cara untuk meningkatkan kesedaran dan dana untuk menanam pokok.

## Idea Pelajaran # 10 Air dan Penghidupan Lestari (10 hingga 12 tahun)

**Objektif:** Pelajar mempertimbangkan aktiviti ekonomi dan kesannya terhadap kualiti air.

### BERFIKIR



Gambar 33

**Penjual sayur di atas bot, Tonle Sap, Kemboja**

Cambodia [Tonle Sap] oleh Luca Nebuloni

<https://www.flickr.com/photos/nebulux/23687473644/>



Sekitar 1.2 juta orang bergantung kepada Tonle Sap untuk hidup.

- Lukis atau senaraikan jenis aktiviti mata pencarian dalam komuniti anda yang melibatkan air, contohnya kilang pakaian, penternakan ikan.
- Apakah yang akan berlaku jika aktiviti mata pencarian ini terpaksa dihentikan kerana pencemaran air?

---

### BERKONGSI

Dengan menggunakan satu contoh aktiviti mata pencarian yang telah disenaraikan, pelajar membayangkan bagaimanakah perasaan mereka jika diberitahu bahawa aktiviti mereka perlu dihentikan disebabkan air telah menjadi terlalu tercemar. Pelajar diajak untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- Bagaimanakah perasaan anda?
- Apakah yang akan anda lakukan?

---

### BERTINDAK

Jalankan satu lawatan ke mana-mana kawasan air yang terdapat dalam komuniti anda. Ajak pelajar-pelajar untuk meneliti alam sekitar dan bincangkan soalan-soalan berikut:

- Bagaimanakah bersihnya atau tercemarnya kawasan air ini?
- Apakah aktiviti mata pencarian di kawasan ini yang melibatkan air?
- Siapakah orang-orang yang harus bekerjasama untuk mengekalkan kebersihan dan kemudahan air?
- Isu apakah yang perlu diberikan perhatian di kawasan ini?
- Bagaimanakah kita dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan air dalam komuniti kita?

## Rujukan

- Al Jazeera (2014) *Thailand's Moken: The Vanishing Sea Tribe*. Available at: <https://www.youtube.com/watch?v=XwOsGGiJMpM> (diakses 4 June 2019).
- Asian Development Bank (2015) *Tonle Sap: Saving Cambodia's Great Lake*. Available at: <https://www.youtube.com/watch?v=259zxMJEJrE> (diakses 30 June 2019).
- ASEAN ASSI (2016) *School Disaster Risk Management Guidelines for Southeast Asia*. Available at: <https://aseansafeschoolsinitiative.org/school-disaster-risk-management-guidelines-for-southeast-asia-2/> (diakses 8 June 2019).
- APCEIU and Arts-ED (2016) *A Teacher's Guidebook on Bridging Global Citizenship and World Heritage*. Republic of Korea: APCEIU. Available at [https://www.gcedclearinghouse.org/sites/default/files/resources/World\\_Heritage\\_Guidebook.pdf](https://www.gcedclearinghouse.org/sites/default/files/resources/World_Heritage_Guidebook.pdf) (diakses 29 October 2019).
- APCEIU (2017) *Global Citizen Passport*. Republic of Korea: APCEIU.
- APCEIU (2018) *GCED – A Guide for Trainers*. Republic of Korea: APCEIU.
- Baxter, P (2012) Education for citizenship and peace: Approaches to behaviour change and values development. In: M Sinclair (ed) *Education for Global Citizenship*. Doha, Qatar: Education Above All, 61-72. Available at: [http://s3.amazonaws.com/ineeassets/resources/EAA\\_Education\\_for\\_Global\\_Citizenship.pdf](http://s3.amazonaws.com/ineeassets/resources/EAA_Education_for_Global_Citizenship.pdf) (diakses 10 July 2019).
- Board, J (2018) *Kampong Ayer: Ripe for Rejuvenation on the Back of Tourism*. Channel News Asia (CNA), 27 February. Available at: <https://www.channelnewsasia.com/news/asia/brunei-s-kampong-ayer-ripe-for-rejuvenation-on-back-of-tourism-9980490> (diakses 16 June 2019).
- Boutry, M, Ferrari, O, Ivanoff, J and Lejard, T (2005) *A Journey through the Myeik Archipelago* (2005) [Exhibition Brochure]. Yangon: SEAMEO CHAT in collaboration with CNRS (France). Available at: <https://mokenalive.files.wordpress.com/2015/05/booklet-en-red.pdf> (diakses 3 July 2019).
- Brown, M and Tran, LT (2012) Ha Long Bay clean-up could force floating fishing village inland. *The Guardian*, 14 November. Available at: <https://www.theguardian.com/environment/2012/nov/14/ha-long-bay-fishing-pollution> (diakses 4 June 2019).
- Caballero, N (2018) Myanmar's last nomads, the Moken, threatened by development, political change. *Agencia EFE*, English Edition, 19 December. Available at: <https://www.efe.com/efe/english/patrocinada/myanmar-s-last-nomads-the-moken-threatened-by-development-political-change/50000268-3847109> (diakses 13 July 2019).
- Carruthers, M (2018) No, not Songkran – that other water festival, in Cambodia, and its thrills. *South China Morning Post*, 22 October. Available at: <https://www.scmp.com/lifestyle/travel-leisure/article/2169322/all-you-need-know-about-cambodias-water-festival-its> (diakses 10 August 2019).

- Hinshiranan, N (2001) Kabang: The living boat. *Techniques & Culture* [Online] 35-36: 499-507. Available at: <http://journals.openedition.org/tc/310>; doi : 10.4000/tc.310 (diakses 18 July 2019).
- Human Rights Watch (2015) *Stateless at Sea: The Moken of Burma and Thailand*. Available at: <https://www.hrw.org/report/2015/06/25/stateless-sea/moken-burma-and-thailand> (diakses 4 June 2019).
- IUCN (2015) *Situation Analysis of the Water Quality of Ha Long Bay, Quang Ninh Province, Viet Nam: A social study from tourism businesses' perspectives*. Available at: [https://www.iucn.org/sites/dev/files/content/documents/hlcba\\_sa\\_april\\_2015\\_final\\_en\\_7\\_july\\_15\\_2.pdf](https://www.iucn.org/sites/dev/files/content/documents/hlcba_sa_april_2015_final_en_7_july_15_2.pdf) (diakses 29 July 2019).
- IUCN (2017) *Success Story: A model on CFis/CPA Management in Tonle Sap*. Available at: <https://youtu.be/ysSDWDE1eo> (diakses 15 Aug 2019).
- Ivanoff, J (1999) *The Moken Boat: Symbolic Technology*. Bangkok: White Lotus Press.
- Ivanoff, J (2001) *Rings of Coral: Moken Folktales (Mergui Archipelago Project)*. Bangkok: White Lotus Press.
- Ivanoff, J and Boutry, M (n.d.) *Moken sea-gypsies*. France: International Scientific Network Tanaosri (CNRS). Available at: <http://www.lampipark.org/wp-content/uploads/2017/01/Moken-Sea-gypsies.pdf> (diakses 15 June 2019).
- Khin, SW (2019) Social enterprise takes charge of Inle tourist town's waste disposal. *Myanmar Times*, 16 May. Available at: <https://www.mmmtimes.com/news/social-enterprise-takes-charge-inle-tourist-towns-waste-disposal.html> (diakses 31 Aug 2019).
- Minh Thu (2015) Ha Long, Cat Ba shift focus to environment. *Vietnam News*, 4 December. Available at: <http://vietnamnews.vn/life-style/279400/ha-long-cat-ba-shift-focus-to-environment.html#PLqfk3U4PQisr51L.99> (diakses 3 July 2019).
- Moken Alive Museum (n.d.) *Les Actions du Musée*. Available at: <https://mokenalivemuseum.org/> (diakses 9 July 2019).
- Moolna, A (2019) How Mangroves protect people from increasingly frequent and powerful tropical storms. *The Conversation*, 4 June. Available at: <http://theconversation.com/how-mangroves-protect-people-from-increasingly-frequent-and-powerful-tropical-storms-118200> (diakses 1 July 2019).
- National Geographic (2019) Causes of global warming, explained. *National Geographic*, 17 January. Available at: <https://www.nationalgeographic.com/environment/global-warming/global-warming-causes/> (diakses 1 August 2019).
- National Geographic (n.d) Planet or plastic? *National Geographic*. Available at: <https://www.nationalgeographic.com/environment/planetorplastic/> (diakses 15 Aug 2019).
- OHCHR (1989) *Convention on the Rights of a Child*. Available at: <https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/crc.aspx> (diakses 10 July 2019).



- Queen Sirikit Museum of Textiles (2018) *A Royal Treasure: The Javanese Batik Collection of King Chulalongkorn of Siam* [Exhibition]. Queen Sirikit Museum of Textiles, Bangkok. 1 November 2018 to May 2021.
- Sithirith, M (2016) Political economy of fishing villages: A case study in the Tonle Sap Lake. *Cambodia Journal of Environmental Science and Engineering* B(5): 299.
- Starr, S (2018) Myanmar's Inle Lake: An ecosystem fighting to survive. *The Irish Times*, 17 May. Available at: <https://www.irishtimes.com/news/science/myanmar-s-inle-lake-an-ecosystem-fighting-to-survive-1.3490626> (diakses 1 June 2019).
- Tran Thu Cuc (2019) From Ha Long Bay to Trang An Landscape Complex: Issues on tourism management at World Heritage Sites, Vietnam. *SPAFA Journal* 1 (2019). doi: 10.26721/spafajournal.v3i0.607 (diakses 21 August 2019).
- Thousand Images and Nomad Films Inc (2012) *No Word for Worry*. Available at: <http://aquatic-human-ancestor.org/evidence/sea-gypsies.html> (diakses 11 July 2019).
- UNESCO (2003) *Text of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Available at: <https://ich.unesco.org/en/convention> (diakses 3 June 2019).
- UNESCO (n.d.) *Biosphere Reserves – Learning Sites for Sustainable Development*. Available at: <http://www.unesco.org/new/en/natural-sciences/environment/ecological-sciences/biosphere-reserves/> (diakses 15 August 2019).
- UNESCO (2015) *Global Citizenship Education. Topics and Learning Objectives*. Available at: <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000232993> (diakses 11 July 2019).
- UNISDR (2004) *Living with Risks*. Available at: <https://www.unisdr.org/we/inform/publications/657> (diakses 10 July 2019).
- UNISDR (2015) *The Human Cost of Weather-related Disasters*. Available at: [https://www.unisdr.org/2015/docs/climatechange/COP21\\_WeatherDisastersReport\\_2015\\_FINAL.pdf](https://www.unisdr.org/2015/docs/climatechange/COP21_WeatherDisastersReport_2015_FINAL.pdf) (diakses 6 June 2019).
- United Nations Development Programme (2015) *Inle Lake Conservation and Rehabilitation*. Available at: [https://www.undp.org/content/dam/myanmar/docs/Publications/EnvEngy/UNDP\\_MM\\_INLE\\_Lake\\_Report\\_Eng\\_1312Web.pdf](https://www.undp.org/content/dam/myanmar/docs/Publications/EnvEngy/UNDP_MM_INLE_Lake_Report_Eng_1312Web.pdf) (diakses: 7 June 2019).
- Ungpho, R (2016) Communication through melody and lyrics: Cultural identity of the Moklen. *Thammasat Review* 2016, 19(2): 22-41 Available at: <https://www.tci-thaijo.org/index.php/tureview/article/download/105426/83722/> (diakses 10 August 2019).
- Vietnamplus.vn (2013) Đề án di dời nhà bè Vịnh Hạ Long chậm vì thiếu vốn [Relocation of Ha Long Bay raft homes slowing down due to lack of capital]. *Người Đồng Hành (NDH)*, 10 September. Available at: <https://ndh.vn/quy-hoach/e-an-di-doi-nha-be-vinh-ha-long-cham-vi-thieu-von-1128692.html> (diakses 29 August 2019).

Wong, MH and Tham, D (2018) Brunei's Kampong Ayer: World's largest settlement on stilts. *CNN*, 24 January. Available at: <https://edition.cnn.com/travel/article/kampong-ayer-brunei-water-village/index.html> (diakses 7 June 2019).

World Bank (2017) *Promoting Disaster Resilient Cultural Heritage*. Available at: <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/28955> (diakses 19 July 2019).